

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"TIDAK ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah. Mereka berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, memternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar, jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah."

- Titah Sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-11 pada 3 Safar 1438 Hijrah bersamaan 3 November 2016 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"MAKA mereka berpaling ingkar lalu Kami menghantarkan kepada mereka banjir besar dan Kami menggantikan dua buah kebun mereka itu dengan kebun (yang ditumbahi) pohon-pohon yang pahit buahnya dan pohon Atsl (sejenis pohon cemara yang jarang berbuah) serta sedikit pohon bidara. Demikianlah kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang sangat kufur." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba, ayat 16 - 17.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 44

13 APRIL 2019 / 1440 شعبان 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Persembahkan pelajar JIS memukau penonton



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Pementasan Drama secara Berkumpulan, Pelajar Tahun 7 Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JERUDONG, Rabu, 10 April. Para penonton dengan - Pelajar Tahun 7 Sekolah Persembahan Pementasan Antarabangsa Jerudong (JIS) Drama yang menarik berjaya menawan hati secara Berkumpulan,



berasaskan kisah-kisah dongeng hasil karya Aesop, penulis terkenal dan ahli falsafah Greek dengan menampilkan versi kisah klasik mereka sendiri, berlangsung di Auditorium, Pusat Kesenian JIS, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Pementasan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah antara pelajar yang menyertai Persembahan Pementasan Drama tersebut.

Drama secara Berkumpulan, Pelajar Tahun 7 JIS.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Pengetua JIS, Mr. Barnaby Sandow.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah antara pelajar yang menyertai Persembahan Pementasan Drama tersebut.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



QARI, qariah
Jabatan Ukur
muncul
johan

Muka 4



BIBD galakkan
generasi muda
miliki rumah

Muka 5

Pelantikan empat pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Pegawai-pegawai Kanan seperti berikut :

Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ke muka 4

Muara berpotensi tinggi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

SAYA berasa gembira berada di sini hari ini bagi mempromosikan 'Discover Muara' iaitu pakej pelancongan baharu di Daerah Brunei dan Muara. Kami ingin memperkenalkan Muara sebagai satu lagi destinasi lawatan di Negara Brunei Darussalam yang ditawarkan kepada ejen pelancongan dan pelancong (terutamanya untuk penumpang kapal persiaran dan feri) serta penduduk setempat di sini.

Muara, yang terletak di bahagian Utara-Timur Negara Brunei Darussalam adalah laluan dan pintu masuk laut ke Negara Brunei Darussalam. Setiap tahun, dianggarkan sebanyak 15 buah kapal persiaran, yang membawa kira-kira 400 hingga 3,000 penumpang pada setiap kapal mendarat di Pelabuhan Muara. Di samping itu, secara purata tahunan, lebih daripada 60,000 pelancong asing dari bahagian Timur Malaysia seperti Sabah dan Labuan tiba dengan feri di Terminal Feri Serasa. Kami berharap strategi memperkenalkan lebih banyak tarikan berhampiran Pusat Kapal Persiaran dan Terminal Feri akan membolehkan penumpang akan datang menikmati transit mereka di Negara Brunei Darussalam. Dengan bertambahnya, bilangan orang yang memilih untuk bercuti di kapal persiaran, industri pelayaran akan menjadi ekonomi yang menguntungkan bagi sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Bandar Muara adalah sangat istimewa kerana mempunyai kepentingan sejarahnya sendiri. Ia pernah menjadi sebuah lombong arang batu yang menguntungkan yang dipanggil Brooketon Colliery dalam tahun 1800-an sehingga penutupannya pada tahun 1924. Kejayaan lombong tersebut menyebabkan meningkatnya kemajuan pengangkutan dan infrastruktur di kawasan itu serta pertambahan penduduk pelombong tempatan dan keluarga mereka. Hari ini, ketenangan Pantai Muara menjadi tempat kegemaran para penduduk tempatan dan pelancong. Ia juga merupakan tapak Tugu Peringatan Brunei-Australia sempena Memperingati Hari ANZAC yang disambut di sini pada 25 April setiap tahun. Angkatan Bersekutu yang diketuai oleh Divisyen Ke-9 Tentera Australia mendarat di Green Beach (nama kod Pantai Muara) pada tahun 1945 menandakan pembebasan Borneo.

Selain tapak bersejarah dan mercu tanda di Muara juga terdapat aktiviti *jungle trekking* bagi mereka yang gemar melakukan aktiviti mendaki di Bukit Tempayan Pisang. Sepanjang pendakian, mereka akan disajikan dengan pemandangan indah Teluk



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa berucap pada Promosi 'Discover Muara' pada Sabtu, 25 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 2 Mac 2019 Masihi di Pusat Kapal Persiaran, Pelabuhan Muara.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariyani Haji Mohammad

Brunei, kerja pembinaan Jambatan Temburong, Pelabuhan Muara, Pulau Muara Besar dan kawasan perkampungan, Kampung Perpindahan Serasa. Sepanjang perjalanan, para pengunjung juga akan dapat menyaksikan dua buah gua, iaitu Gua Radat dan Gua Harimau yang mana kedua-duanya mempunyai legenda yang tersendiri, yang awda perlu ketahui sendiri ketika awda meneroka.

Apa yang lebih mustahak lagi, kami ingin menggalakkan dan menyediakan lebih banyak pilihan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk memasukkan aktiviti-aktiviti ini ke dalam pakej-pakej mereka yang sudah sedia ada. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan ejen-ejen pelancongan untuk bekerjasama rapat dengan Majlis Perundingan Kampung Kapok, untuk mempromosikan Pekan Muara dan memasukkan aktiviti-aktiviti seperti persembahan kebudayaan, kraf tangan dan demonstrasi masakan, selain lawatan-lawatan ke tempat-tempat menarik yang terdapat di sekitar kampung.

Di Muara, awda akan dapat melihat pantai-pantai dan menikmati pemandangan matahari terbenam ataupun melakukan aktiviti berbasikal di sepanjang Pantai Muara. Bagi mereka yang mencari pengembaraan sukan air, Pantai Serasa menawarkan aktiviti-aktiviti sukan air bagi sesiapa

yang meminati sukan air. Juga terdapat Pusat Biodiversiti Marin yang terletak kira-kira 15 minit perjalanan dari Muara di mana orang ramai boleh mempelajari tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan kehidupan laut. Ia dipenuhi dengan akuarium, pameran dan memaparkan maklumat sungai-sungai dan lautan kita serta kehidupan yang menghuni di sana.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) komited bagi memastikan sektor perkhidmatan pelancongan sebagai salah satu penyumbang ketara dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi negara, khususnya dalam sektor bukan minyak dan gas. Kami sentiasa terlibat bersama pihak-pihak berkepentingan seperti ejen-ejen pelancongan, syarikat penerbangan, perhotelan, penyedia penginapan dan komuniti tempatan untuk bekerjasama secara aktif meningkatkan perkhidmatan, kualiti dan infrastruktur selain bekerjasama ke arah peluang usaha sama dalam Public Private Partnership.

Dengan meningkatnya laluan penerbangan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, ke pelbagai negara dan rantau, maka permintaan bagi pemandu pelancong tempatan juga akan meningkat, terutamanya mereka yang berkemahiran dalam pelbagai bahasa. Melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, kita sedang bekerjasama dengan institusi-institusi pendidikan seperti Laksamana College of Business, bagi menyediakan program-program latihan pada tahun ini untuk mereka yang berminat sebagai pemandu pelancong bebas serta bagi mereka yang ingin meningkatkan kepelbagaian bahasa mereka.

Untuk kesimpulan, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan 'Discover Muara' dan untuk penglibatan dinamik mereka dan sokongan berterusan. Saya berharap lebih banyak penglibatan daripada pihak berkepentingan lain untuk menyokong inisiatif pelancongan tempatan kita. Hari ini, kami menyediakan lapan pameran yang terdiri daripada penyedia perkhidmatan pelancongan serta masyarakat setempat yang mempamerkan dan menjual produk-produk mereka sebagai sebahagian daripada 'Discover Muara'. Silakan untuk melihat dan mengetahui apa yang kami tawarkan.

Dengan kalimah *Bismillaahir Rahmaaniir Rahim* dan dengan Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan rasminya melancarkan 'Discover Muara'.

Terima kasih.
Wabillahit Taufik Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

13 APRIL 2019 BERSAMAAN 1440 شعبان 7

MANFAATKAN AKSES PERKHIDMATAN KESIHATAN

HARI Kesihatan Sedunia yang disambut setiap 7 April di seluruh dunia adalah bagi memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO) pada tahun 1948. Pada tahun ini, sambutan penubuhan WHO membawa tema 'Liputan Kesihatan Sejagat' (Universal Health Coverage) yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai konsep tersebut, di samping menggalakkan dan mempromosikan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh semua pihak di seluruh dunia bagi menyumbang ke arah merealisasikan konsep Liputan Kesihatan Sejagat secara global. Selain itu, tema ini digunakan adalah sebagai platform utama untuk menarik perhatian orang ramai mengenai isu-isu global tentang kesihatan semasa.

Dalam hal ini, semua lapisan masyarakat hendaklah mempunyai akses yang sama untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa dibebani dengan isu kewangan. Hal ini kerana kesihatan adalah hak asasi setiap individu dan setiap individu ini berhak untuk menerima maklumat dan perkhidmatan yang diperlukan bagi memastikan kesihatan diri dan keluarga mereka sentiasa terjaga.

Perkara ini antara lain yang ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd. Isham bin Haji Jaafar baru-baru ini dalam perutusan beliau sempena Hari Kesihatan Sedunia 2019.

Dalam perutusan tersebut juga, Yang Berhormat turut mengongkakan statistik WHO, yang mana sekurang-kurangnya separuh daripada penduduk dunia tidak menerima perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan. Sementara kira-kira 100 juta penduduk dunia menjalani kehidupan dalam kemiskinan setiap tahun kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi kesihatan mereka.

Sambutan pada tahun ini turut memfokuskan kepada aspek-aspek berkaitan dengan ekuiti dan perpaduan serta menangani halangan kepada akses kepada penjagaan dan perkhidmatan kesihatan. Oleh itu, bagi mencapai Liputan Kesihatan Sejahtera, sebahagian besar penjagaan kesihatan sama ada dari segi promosi kesihatan, pencegahan penyakit, rawatan atau pemulihan sebolehnya diberikan berdekatan dengan tempat tinggal individu. Di samping itu, penjagaan kesihatan asasi berfungsi sebagai titik pertama dalam hubungan individu, keluarga dan masyarakat dengan sistem kesihatan di dalam sesebuah negara.

Alhamdulillah, kita sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam amat bertuah dan beruntung kerana menerima Liputan Kesihatan Sejahtera daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan. Di negara ini kita boleh menerima akses penjagaan kesihatan dari keempat daerah, yang menyediakan 14 buah Pusat Kesihatan yang komprehensif, empat buah klinik kesihatan, dua perkhidmatan perubatan udara dan tiga klinik bergerak. Dengan adanya perkhidmatan kesihatan seumpama ini, ia akan menyediakan orang ramai dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang lebih selesa dan kondusif.

Oleh yang demikian, orang ramai hendaklah memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga tunjuk ajar daripada profesional kesihatan tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Oleh itu, janganlah kita sesekali mengabaikan penjagaan kesihatan dan sebaiknya hendaklah memanfaatkannya sebagai langkah untuk mengekalkan kesihatan pada tahap terbaik.

Negara kita juga akan terus komited dan berusaha untuk mengukuhkan Penjagaan Kesihatan Asasi bagi merealisasikan Liputan Kesihatan Sejahtera agar perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan menyeluruh dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat secara mudah dan saksama sebagai sebahagian daripada sistem kesihatan negara, yang mana ia selaras dengan Wawasan Negara 2035, Pencapai Kualiti Hidup Penduduk Yang Tinggi dan juga visi Kementerian Kesihatan, Bersama Ke Arah Warga Sihat. - Ketua Penyuntingan (Rd).

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 24 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C
PEKAN BANGAR 31 24 °C	PEKAN BANGAR 31 24 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 24 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C
KUALA BELAIT 32 24 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C

Wallahualam Bissawab! Talian Cuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn

114 Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
13	SABTU	7	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
14	AHAD	8	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
15	ISNIN	9	4.45	4.55	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
16	SELASA	10	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	RABU	11	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
18	KHAMIS	12	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
19	JUMAAT	13	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37


Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123 NDMC 2380214

Persembahan pelajar JIS memukau penonton



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan bergambar ramai bersama para pelajar Tahun 7 Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) yang menyertai persembahan.

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, pelajar Tahun 7 O berkenan menyertai persembahan drama bersama rakan-rakan DYTMM dengan pementasan drama 'The Boy Who Cried Wolf'.

Seramai 131 pelajar Tahun 7 JIS menyertai persembahan

drama berasaskan hasil karya Aesop yang dijadikan sebagai panduan bagi proses perancangan yang mana mereka dididik untuk meneroka dan menghasilkan idea-idea.

Menerusi drama tersebut, pelajar Tahun 7 telah mempelajari unsur-unsur teknikal drama daripada hasil kerja mereka sendiri, di samping itu juga membolehkan mereka

mengembangkan lagi keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, semangat berpasukan, bekerjasama dan kepimpinan serta kefahaman yang meluas di dunia ini.

Terdahulu, Ketua Bahagian Drama, Mr. William Kemp dalam ucapannya berkata, "Mata pelajaran Drama menyediakan pelajar-pelajar untuk dunia yang lebih luas. Untuk menjadi berjaya dalam drama, anda perlu bekerjasama dengan orang lain."

Kemuncak acara,

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

persembahan drama gabungan semua pelajar Tahun 7 mengisahkan seorang lelaki bijak yang diperingatkan tentang nasib malang orang lain.

Sebelum berangkat meninggalkan JIS, baginda berdua berkenan bergambar ramai bersama peserta pementasan drama tersebut.

Mata pelajaran Drama diterapkan kepada pelajar JIS Tahun 3 hingga Tahun 8 setiap minggu selama satu jam dengan bimbingan Pakar Guru Drama.

Dalam pada itu, JIS yang mula dibuka pada tahun 1997 merupakan sebuah sekolah antarabangsa, berorientasikan tradisi Sekolah British, yang menawarkan pembelajaran komprehensif, selain menyediakan program kegiatan kokurikulum dan kemudahan pembelajaran bertaraf dunia kepada para pelajarnya.

JIS mempunyai lebih 1,000 pelajar antarabangsa berumur dari 2 hingga 19 tahun, yang mana tenaga pengajar berkemahiran didatangkan dari Australia, China, Negara Brunei Darussalam, New Zealand, Perancis dan United Kingdom.

Sekolah tersebut memberi penekanan tinggi dalam bidang akademik dan melahirkan pelajar - pelajar yang berkemahiran tinggi, yang mana kebanyakannya berjaya mendapat tempat di universiti-universiti terkemuka di luar negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, pelajar Tahun 7 O berkenan menyertai persembahan drama bersama rakan-rakan (kiri dan kanan).



ANTARA aksi persembahan pelajar-pelajar Tahun 7 JIS.



SEBAHAGIAN ibu bapa dan penjaga pelajar yang hadir menyaksikan persembahan.

Qari, qariah Jabatan Ukur muncul johan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyampaikan hadiah kepada johan qari, Haji Muhammad Khairul Hafizuddin bin Haji Shamsudin dan gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan hadiah kepada johan qariah, Dayang Ratinah binti Hidup.

Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

Tambahnya, solat itu merupakan pencegah umat Islam daripada melakukan perkara-perkara maksiat kerana orang yang melakukannya akan sentiasa ingat terhadap perintah serta larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu beliau juga mengingatkan kepentingan doa semasa solat sebagai senjata umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan seharian.

Majlis tersebut antaranya bertujuan bagi menggalakkan para peserta supaya terus mempelajari dan menguasai bacaan Al-Quran, di samping menggalakkan mereka untuk sentiasa mengamalkan bacaan Al-Quran agar menjadi amalan harian dan beroleh keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria.

Majlis yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Jabatan Kerja Raya ini dikelolakan oleh Jabatan Pentadbiran dan Kewangan bersama Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal.

Pelantikan empat pegawai kanan

Dari muka 1

Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said, dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan, Dayang Saidah binti Haji Wahid / Burut

dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pengarah Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai kanan berkenaan berkuatkuasa mulai Khamis, 5 Syaaban 1440 bersamaan 11 April 2019.

BERAKAS, Khamis, 11 April. - Haji Muhammad Khairul Hafizuddin bin Haji Shamsudin dan Dayang Ratinah Hidup sebagai johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya sempena Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Naib johan masing-masing disandang oleh Haji Mohd. Eddy Huzaimi bin Haji Mat Yassin dan Dayang Soffina binti Ali Hassan, manakala Awang Mohamad Yusrin bin Daud dan Dayang Norsahlina binti Md. Shahredzuan mendapat

tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Majlis turut diserikan dengan ceramah keagamaan disampaikan oleh penceramah undangan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. H. Harapandi bin Haji Dahri, antara lain menyentuh mengenai kepentingan dan kelebihan solat bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Teliti kekurangan, kesilapan tahun lalu

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) disarankan untuk mempelajari pelaksanaan acara-acara pada tahun 2018 dan tahun-tahun sebelumnya dengan mengenal pasti akan kelemahan-kelemahan, kekurangan-kekurangan serta kesilapan-kesilapan supaya kekurangan dan kesilapan tidak akan berlaku lagi tahun ini.

Adalah amat penting untuk jawatankuasa - jawatankuasa meneliti dengan sebaik-baiknya teguran, pandangan dan nasihat-nasihat yang diberikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan demi membina lagi mutu atau kualiti rancangan-rancangan yang diungtkayahkan.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim (tengah) ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada mesyuarat tersebut.

Perkara tersebut disuarakan oleh Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-73, Tahun 2019 bagi DBM yang diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM, di sini.

Menurut Awang Misle lagi, adalah perlu dan wajar bagi jawatankuasa meneliti komposisi keahlian jawatankuasa-jawatan kuasa supaya mereka yang dilantik akan benar-benar dapat

memberikan sumbangan yang bermakna dan memikul tugas dengan penuh tanggungjawab dan komitmen.

Beliau seterusnya menyarankan supaya jawatankuasa akan dapat pula meresapkan lantikan belia-belia menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan supaya mereka berpeluang mencetuskan idea-idea baharu, di samping berperanan untuk menjadi pelapis akan datang.

Beliau turut melahirkan penghargaan setinggi-tingginya atas komitmen ahli-ahli dalam menjayakan sambutan perayaan

setiap tahun terutama pada tahun lepas yang mencerminkan tanda kasih dan sayang kita dan tanda ketaatsetiaan kita yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM, raja kita yang kita kasihi.

Beliau seterusnya berharap apa-apapun corak acara dan acara-acara sampingan yang akan diadakan pada tahun ini, pengerusi-pengerusi dan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan perlu mengamalkan sikap kesederhanaan dalam memohonkan dan membelanjakan peruntukan dalam lingkungan peruntukan yang dihulurkan atau disediakan.

Menurutnya lagi, dalam mengurus acara-acara yang melibatkan tempat-tempat atau venue-venue tertentu perlulah jua memohonkan kebenaran penggunaannya daripada pihak-pihak berkenaan, serta mematuhi peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan timbulnya perkara-perkara yang tidak diinginkan dan jua memastikan keselamatan semua adalah selamat dan terkawal.

Tambahnya, apa yang penting ialah acara-acara dapat berjalan dengan baik dan sempurna serta

dapat menarik orang ramai dan para pelancong untuk menyaksikan acara-acara yang dijalankan di sepanjang perayaan itu nanti.

"Dalam pada itu diharap jua perbelanjaan peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah mengikut peraturan kewangan dan garis panduan yang sedia ada atau sedang berjalan (kuat kuasa)," ujarnya lagi.

Mesyuarat antara lain membincangkan pembubaran Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan pelantikan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi sambutan perayaan pada tahun ini, di samping persediaan dan perancangan awal bagi mula menggerakkan sambutan pada tahun ini.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Eksekutif daripada syarikat korporat dan swasta serta ahli-ahli jawatankuasa tadbir tertinggi dan pengerusi-pengerusi acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73 bagi DBM.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Terima sumbangan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sumbangan bantuan Projek Amal Buzzing Bees kepada dua penerima warga emas (kiri dan kanan).



TEMBURONG, Jumaat, 12 April. - Seramai 37 orang terdiri daripada 26 warga emas dan 11 anak yatim dari Kampung Batu Apoi menerima sumbangan bantuan berupa barang makanan asasi dan keperluan harian pada Majlis Projek Amal Buzzing Bees, bertempat di Balai Raya Kampung Batu Apoi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin

Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Antara yang hadir pada majlis itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Timbalan Setiausaha Tetap

(Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Saidah binti Haji Wahid / Burut; Pemangku Pegawai Daerah Temburong; Penghulu Mukim Batu Apoi; Ketua Kampung Batu Apoi; juga pegawai-pegawai KKBS dan

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Kumpulan Buzzing Bees, Dayang Nurul Hazwani binti Halid menjelaskan, Projek Amal Buzzing Bees adalah untuk membantu golongan yang memerlukan, iaitu dengan menahut inisiatif JAPEM melalui Whole of Nation Approach.

Jelasnya lagi, sumbangan yang diberikan merupakan hasil jualan kuih-muih dan kelas-kelas tuisyen.

Menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan projek berkenaan jelasnya memang banyak, tetapi semua cabaran itu adalah sebagai pengajaran untuk kumpulan tersebut.

Tambahnya, ibu bapa mereka turut membantu mereka dengan memberikan sokongan dan semangat.

Buzzing Bees merupakan sebuah kumpulan *social enterprise* yang ditubuhkan pada bulan Disember 2015, terdiri daripada kumpulan bekas pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

BIBD galakkan generasi muda miliki rumah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (tengah) merasmikan Festival Pameran Rumah (Home Showcase Festival) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Kali Ke-14, yang diadakan di Cawangan BIBD Kiulap.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 April. - Dalam usaha berterusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk menggalakkan pemilikan rumah dengan menyediakan platform sehenti bagi memiliki rumah, terutamanya kepada generasi muda, Festival Pameran Rumah (Home Showcase Festival) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Kali Ke-14 diadakan, bertempat di Cawangan BIBD Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan festival tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Selain menawarkan kadar diskaun dan pengecualian ke atas yuran pemprosesan serta hadiah korporat BIBD secara percuma bagi pendaftaran untuk

pembiayaan dan kad kredit, pelanggan yang melanggan BIBD Aspirasi sekarang-kurangnya BND1,000 akan memperoleh Digital Coin Box.

BIBD juga mengambil peluang mempamerkan QuickPay sebagai sebahagian daripada usahanya untuk kemudahan transaksi melalui teknologi yang diterajui dengan mudah alih.

Perkhidmatan seperti QuickPay adalah sebahagian daripada platform BIBD NEXGEN yang memenuhi keperluan mobiliti dan kemudahan, bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara pelanggan dan pemilik perniagaan, terutama para usahawan.

Pelanggan boleh menjalankan urusan niaga tanpa tunai pada festival tersebut, kerana kebanyakan *vendor* yang mengambil bahagian menggunakan BIBD QuickPay.

Di samping itu, pelanggan boleh

Kongsi pengalaman kepimpinan

BERIBI, Jumaat, 12 April. - Siri Bicara Akademi Perspektif Insan (P.I.) diteruskan buat kali kedua di Auditorium JobCentre, Beribi.

Hadir memberikan taklimat pada siri bicara tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Jurulatih Utama, Akademi P.I.; Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Hajah Rozaidah binti Haji Abdul Rahman dan Pengasas Al-Huffaz Management, Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dalam taklimatnya menyentuh mengenai Young, but M.A.D (Making a Difference) manakala Dayang Hajah Rozaidah binti Haji Abdul Rahman dan Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan masing-masing menyampaikan topik berkaitan 'Changing Mindsets' dan 'How to Stop Worrying and Start Living'.

Akademi P.I. ditubuhkan untuk memupuk bakat serta membangunkan kemahiran dan pengetahuan kepada pemimpin dan profesional yang berpengalaman ke arah produktiviti dan kejayaan. Seajar dengan objektifnya, P.I. Akademi akan menganjurkan lapan Siri Bengkel Kemahiran Insaniah (Soft Skills Workshop Series) secara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Jurulatih Utama, Akademi P.I. hadir pada Siri Bicara Akademi Perspektif Insan (P.I.) kali kedua yang diadakan di Auditorium JobCentre, Beribi.

Berita dan Foto : Aimi Sani

bulanan, selain memperkenalkan satu Siri Bicara kepada masyarakat umum sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat mereka.

Kepimpinan dalam definisi mudah adalah seseorang yang mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu dan menggerakkan pasukan atau organisasi ke hadapan, ke arah mencapai sasaran yang dikenal pasti. Walau bagaimanapun,

kekurangan pengalaman atau menjadi muda dilihat sebagai kelemahan untuk memimpin.

Ceramah mengongsikan beberapa pengalaman dan pandangan penceramah dalam peranan kepimpinan selain menukar ke arah pemikiran yang lebih positif.

Peserta yang berminat boleh mendaftar di laman sesawang bit.ly/pitalakapr2019, di mana kelas dianjurkan secara percuma.

mendapatkan BIBD NEXGEN Foldable Shopping Bag sementara stok masih ada dengan perbelanjaan minimum BND10.

Acara ini juga menjadi ruang bagi usahawan tempatan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta rakan ejen dan pereka dalaman untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

Festival ini juga menampilkan *Kenviews*, seorang pakar reka

bentuk dalaman yang biasanya melayani golongan profesional muda yang mahukan penampilan yang unik dan kontemporari untuk rumah baharu mereka.

Ketua Perbankan Runcit BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar menjelaskan, membeli rumah impian menjadi matlamat dalam kehidupan sebaik sahaja memiliki kerjaya yang hebat dan semestinya kita ingin

memiliki rumah yang diinginkan, iaitu tempat untuk bersama keluarga.

Di BIBD jelasnya, memastikan bahawa ia akan dapat dicapai dengan memudahkan keperluan pelanggan dalam setiap langkah.

Festival berkenaan dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini hingga 14 April depan dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam.



Mantapkan ilmu akidah, syariah

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir pada Sambutan Israk dan Mikraj KKBS yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

bagaimana untuk mencapai kenikmatan dalam solat, yang mana antaranya hendaklah dengan mempunyai kemantapan ilmu

akidah dan ilmu syariah.

Perkara solat juga merupakan suatu perkara yang perlu dilaksanakan dengan saling beringat-ingat dan berpesan-pesan di antara satu sama lain, kerana solat merupakan satu perkara yang bukan mudah untuk dilaksanakan dengan khusyuk jika seseorang itu

tidak atau kurang memiliki ilmu akidah dan syariah.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KKBS dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS; Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai serta kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Bagi sama-sama menyemarakkan lagi acara kebesaran Islam dalam menghayati perjalanan Rasulullah yang berlaku dalam satu malam yang penuh sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj.

Majlis yang diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok

Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran daripada qariah Universiti Brunei Darussalam, Dayangku Siti Umami Syazanna binti Pengiran Haji Marjuki.

Majlis turut diserikan dengan Forum Khas bertajuk 'Kemantapan Aqidah dan Syariah Satu Kenikmatan dalam Sembahyang' yang disampaikan oleh dua panel jemputan, iaitu Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Pendakwah Bebas, Dayangku Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Forum yang dipengerusikan oleh Awang Ali Shahbana bin Haji Mohsin itu antara lain menentang

Hargai buku, hak cipta



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang memenangi pertandingan sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi Tahun 2019.

MERAGANG, Khamis, 11 April. - Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM) meraikan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi Tahun 2019 pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PTEM di sini.

Pelancaran acara tersebut disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa

binti Awang Haji Ash'ari selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ucapannya menjelaskan bahawa Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta yang disambut setiap 23 April itu adalah bagi mempromosikan keseronokan buku dan membaca.

"Sambutan ini membolehkan orang ramai untuk menemui, mempergunakan sebaiknya dan

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

meneroka secara lebih mendalam banyak aspek dalam dunia penerbitan; buku sebagai nilai vektor dan pengetahuan serta penyimpanan warisan; buku sebagai jendela kepada kepelbagaian budaya dan sebagai alat dialog; buku sebagai sumber kekekayaan material juga kerja para seniman kreatif yang dihak-ciptakan.

"Kita perlu menghargai buku sebagai alat bagi mengongsikan pengetahuan, kesefahaman bersama dan keterbukaan kepada dunia yang pelbagai," kata Yang Berhormat.

Majlis diteruskan dengan Pertandingan Oratory Bahasa Inggeris 2019 yang disertai seramai 10 orang pelajar PTEM.

Yang Berhormat kemudian menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang memenangi pertandingan - pertandingan sempena sambutan berkenaan.

Antara pertandingan tersebut ialah Prosa Kreatif, Menulis Pantun dan Scrabble Master.

Acara berkenaan turut diserikan dengan persembahan pantun dan *choral speaking* oleh para pelajar PTEM.



FORUM Khas bertajuk 'Kemantapan Aqidah dan Syariah Satu Kenikmatan dalam Sembahyang' yang disampaikan oleh panel jemputan, iaitu Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian dari KU PUSB.

Tip

Pendidikan



Cara Mudah Kuasai Bahasa Inggeris? Ini Caranya :

- Jangan takut untuk berbahasa Inggeris. Jadilah lebih yakin!
- Cuba bercakap menggunakan bahasa Inggeris sebanyak mungkin bila ada peluang.
- Menonton TV dan filem berbahasa Inggeris.
- Melakukan teka-teki atau bermain pelbagai jenis permainan kata-kata yang menggunakan bahasa Inggeris.
- Amalkan menulis surat, e-mel, membuat catatan dan lain-lain menggunakan bahasa Inggeris.
- Membaca bahan-bahan bacaan santai berbahasa Inggeris.
- Sentiasa merujuk Kamus Bahasa Inggeris jika awda tidak faham dengan sesuatu ayat atau kosa kata.
- Terus berlatih secara konsisten untuk mencapai kemajuan.
- Ibu bapa perlu tunjukkan sokongan padu kepada anak-anak. Berikan keyakinan diri kepada anak-anak yang mereka boleh berjaya dalam akademik. Kata-kata semangat yang datang daripada ibu bapa sendiri akan menaikkan semangat anak-anak kerana anak-anak yakin ibu bapa sangat sayangkan mereka.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Peringati Sambutan Israk Mikraj



PEMANGKU Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Israk Mikraj bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Salah satu wahyu yang disampaikan terus oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah melaksanakan sembahyang lima waktu sehari telah berlaku semasa peristiwa Israk dan Mikraj. Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Penolong

Pensyarah Fakulti Usuluddin di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dalam Ceramah Khas sempena Sambutan Israk Mikraj bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi, bertempat di Surau Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Commonwealth, di sini.

Menurutnya lagi, jika seseorang itu banyak menunaikan dan menjaga sembahyangnya maka Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menyayangi diri mereka dan semakin banyak mereka bersujud kepada Allah, semakin dekat hati mereka kepada-Nya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha-setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Bahagian; pegawai dan kakitangan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis yang diselenggarakan oleh Agensi Pelaburan Brunei itu merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan kementerian berkenaan, yang bertujuan untuk

memperingati dan membesarkan Sambutan Israk dan Mikraj 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi di antara para pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.



ANTARA pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang hadir pada majlis tersebut.

Pertingkatkan mutu bacaan qari, qariah

BERAKAS, Khamis, 11 April. - Majlis Penutup Kursus Intensif Wakil Negara Brunei Darussalam ke Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur Malaysia bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi telah diadakan di Dewan Melur, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Kursus yang bermula awal Mac tahun itu bertujuan bagi mempertingkatkan lagi mutu bacaan wakil qari dan qariah negara ini, di samping untuk memberi pendedahan kepada mereka dengan ilmu pembacaan Al-Quran yang segar dan berbeza daripada yang biasa diajarkan.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan tahap pencapaian wakil negara yang akan menyertai Musabaqah di Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa nanti.

Pembimbing bagi kursus tersebut ialah Tenaga Pengajar di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Zainul Ariffin bin Ridwan Lubis.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Muhammad



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff (kanan) hadir pada Majlis Penutup Kursus Intensif Wakil Negara Brunei Darussalam Ke Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur Malaysia bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mujeib bin Haji Musa.

Disusuli dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh wakil

negara, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, diikuti Qariah Negara, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri.

Ulasan dan nasihat kepada qari dan qariah disampaikan oleh Ahli Panel yang terdiri daripada Pakar dalam bidang Al-Quran, iaitu Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali dan Dato Paduka Awang Haji Yusop bin Bakar.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail.



PERSEMBAHAN bacaan Al-Quran daripada wakil qari negara, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

Bantu masyarakat berkeperluan khas

Berita dan Foto :

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BENGGURONG, Khamis, 11 April. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima sumbangan sejumlah BND600 daripada Strike Promotions sebagai usaha untuk mempromosikan kesaksamaan dan inklusif masyarakat yang berkeperluan khas.

Derma tersebut hasil kutipan daripada kempen amal yang diadakan bermula 2 hingga 31 Mac lalu.

Sumbangan derma berupa replika cek itu disampaikan dan diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BruPay, Awang Haji Sophian bin Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Pengasas Strike, Awang Firdausi bin Zainidi dalam ucapan alu-aluannya berkata, Strike dicipta bukan hanya sebagai platform sukan, tetapi juga memberi inspirasi kepada perubahan dan kemajuan untuk golongan belia.

Antara tujuan penubuhan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam ialah untuk memenuhi kehendak insan-insan istimewa, selain komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan perkhidmatan pemulihan untuk individu kurang upaya dan intelektual.



SUMBANGAN derma berupa replika cek disampaikan dan diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BruPay, Awang Haji Sophian bin Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny dan diserahkan kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Taat setia jayakan Perayaan Hari Keputeraan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Belait

BELAIT, Rabu, 10 April. - Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Belait diadakan di Dewan Santap, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait.

Hadir untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu

Mukim Liang dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Pengerusi-pengerusi Acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Belait.

Menurut Pemangku Pegawai Daerah Belait dalam ucapan alu-aluannya, Perayaan Hari Keputeraan yang diadakan setiap tahun merupakan acara kebangsaan yang menjana semangat patriotisme



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad (tengah) semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Belait.

berpemerintahan beraja kerana ia melibatkan rakyat dan penduduk di negara ini.

Jelasnya, khidmat bakti rakyat dalam semua peringkat dalam menjayakan dari segi membuat persiapan hingga penyediaan kelengkapan adalah suatu pernyataan taat setia kepada Kebawah DYMM.

Pada mesyuarat tersebut, Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-72, Tahun 2018 bagi Daerah Belait dibubarkan, seterusnya

Ahli Jawatankuasa Tadbir Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73, Tahun 2019 bagi Daerah Belait dilantik.

Antara agenda mesyuarat yang dibincangkan termasuk meneliti dan mengesahkan penyata perbelanjaan sambutan perayaan tahun 2019, ketetapan pelaksanaan acara-acara sambutan serta ketetapan pelaksanaan pembinaan dan pemasangan alat-alat perhiasan dan kelengkapan seperti pintu-pintu gerbang, bendera-bendera, lampu-lampu cucul, perhiasan dan kain-kain rentang.

Pada mesyuarat itu juga turut dibincangkan Pelaksanaan Majlis Keberangkatan Kebawah

DYMM Bercemar Duli ke Daerah Belait.

Di samping itu, mesyuarat juga turut membincangkan pelaksanaan Acara-acara Sambutan Perayaan seperti Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam, Majlis Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran 73 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung Seluruh Negara.

Mesyuarat dihadiri dengan perbincangan mengenai Acara-acara Sampingan sepanjang Perayaan juga Acara-acara Persembahan Malam Bercorak Kebudayaan dan Keagamaan termasuk kedudukan Pentas dan Gerai Perayaan.



ANTARA yang hadir pada mesyuarat berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Pendidikan Syariah al-Mar'ah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Fakulti Syariah dengan kerjasama Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah menganjurkan Forum Pendidikan Syariah al-Mar'ah yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB, di sini.

Forum bertemakan 'Mengoptimalkan Peranan dan Produktiviti Wanita dalam Pembangunan Negara dan Bangsa' itu adalah bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Tiga panel forum membahaskan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan wanita dari aspek hukum beribadah dan sumbangan terhadap negara dan bangsa yang dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Nazirul Mubin bin Haji Ahad.

Timbalan Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Pengiran Dr. Hajah Norwidayawati binti

Pengiran Haji Metusin menjelaskan, ciri-ciri yang perlu ada pada seorang wanita Muslimah dalam membangunkan masyarakat dan negara adalah melalui 3K sesuai dengan tiga peradaban Islam, iaitu Keimanan, Keilmuan dan Ketaqwaan.

Kertas kerja bertajuk 'Hukum-Hukum Yang Berkaitan Dengan Wanita', Pengiran Dr. Hajah Norwidayawati seterusnya menerangkan melalui 3K itu, bertepatan dengan berilmu, beramal dan bertawakal, para wanita perlu mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu agama (ukhrawi) sebagai asas dalam kehidupan mereka, di samping ilmu duniawi.

Manakala Dekan Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohd. Zahiri bin Awang Mat, kemudiannya mengulas mengenai pemantapan pendidikan dalam kalangan wanita.

Profesor Madya Dr. Mohd. Zahiri juga menerangkan mengenai peranan isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu Aisyah Radiallahuanha yang mesti diteladani wanita hari ini untuk berjaya, antaranya membantu kaum lelaki dalam memahami

ilmu, menjadi contoh amalan ajaran agama kepada yang lain (wanita solehah), memperjuangkan hak wanita, mengadakan Pusat Pembelajaran / tempat rujukan para sahabat serta mendidik wanita supaya tahan ujian dan cabaran.

Sementara panel terakhir, Pemangku Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga, Wanita, Kanak-Kanak dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Nurul Nazurah binti Jaya membincangkan

Contohi wanita hebat zaman dahulu

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

mengenai kes-kes wanita di bawah JAPEM dan inisiatif memperkasa wanita melalui program-program perkerjaan dan perniagaan.

Dayang Nurul Nazurah juga menyatakan kes-kes wanita yang ditangani JAPEM adalah seperti penderaan isteri / wanita, pertelingkahan suami isteri, pelbagai aduan wanita dan juga permohonan Dharar Syarie.

Katanya, JAPEM bekerjasama dengan agensi-agensinya antaranya Pasukan Polis Diraja Brunei, Kebajikan Hospital dan Mahkamah Syariah / Sivil bagi tujuan melancarkan kes (untuk tujuan perlindungan / mendapatkan bukti iaitu laporan perubahan atau aduan polis seterusnya bukti-bukti tersebut akan dihadapkan bersama borang permohonan perlindungan di mahkamah).

Terdahulu, Pengarah Pusat Kajian Fiqh al-Ussrah, Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Gani

selaku Pengerusi Bersama forum dalam ucapan alu-aluannya, para wanita hari ini perlu menjadikan ciri-ciri wanita hebat pada zaman dahulu sebagai panduan dan teladan dalam aspek kehidupan mereka.

Wanita juga menyumbang ke arah perkembangan negara dan bangsa menurut kebolehan dan kepakaran masing-masing selain memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi dan pembentukan keluarga bahagia.

Forum tersebut diharap menjadi wadah perbincangan mengenai saranan isu-isu semasa yang berkaitan dengan pemantapan pendidikan wanita bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.



PANEL-PANEL bagi Forum Pendidikan Syariah al-Mar'ah yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.



Melayu Islam Beraja : Jiwa Raga Brunei

kerana konsep ini sentiasa menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang melindungi agama, nyawa, harta benda, kehormatan, akal dan keturunan, iaitu Maqasid Syariah yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya pegangan ini memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Ketahuilah agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk sentiasa berpegang teguh dengan tali atau agama Allah dan menghindarkan dari berlakunya perpecahan dalam masyarakat dan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Imran, ayat 103 :

Tafsirnya :

"Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam) maka jadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya sampai kamu mendapat hidayah."

Melayu Islam Beraja atau disebutnya juga MIB adalah jiwa raga Brunei, janganlah ia dilihat dengan kaca mata atau pandangan yang biasa sahaja. Setiap orang perlu memahami dan menyedari bahawa konsep Melayu Islam Beraja itu sangat luas pengertiannya dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua konsep ini dapat meneguhkan dan menjamin kesejahteraan, kemaslahatan serta kebajikan seluruh lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira darjat, keturunan mahupun agama. Baru-baru ini, sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj peringkat Negara 1440 Hijrah / 2019 Masihi, Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah menegakkan bahawa Negara Brunei

Darussalam adalah sebuah negara yang molek, yang sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah. Ia dipandu oleh sistem MIB yang telah pun berjalan sekian lama sejak ratusan tahun lagi. Sistem ini berkewajipan untuk memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk tanpa mengira puak dan pegangan mereka. Inilah MIB, konsep keramat yang telah berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil lagi bahagia, yang hidup di dalamnya sebuah komuniti yang bersatu padu. Sistem MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa sahaja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya. Inilah hakikat Brunei, negara MIB, di mana selain dari itu, ia bukanlah Brunei. Demikian baginda bertitah.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi yang bertuah ini, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja di dalam kehidupan kita seharian kerana konsep ini bukannya hanya dilihat dari segi penampilan luaran sahaja, bahkan apa yang paling penting ialah nilai-nilai Melayu Islam Beraja itu mencalak atau meresap ke dalam jiwa raga, tingkah-laku, tabiat, sifat, pemikiran, sahsiah rakyat dan penduduk negara ini. Ingatlah, Melayu Islam Beraja itu adalah calak Brunei atau cara hidup bangsa Brunei. Janganlah dibiarkan Melayu Islam Beraja itu pudar atau dipudarkan oleh sebarang pengaruh atau anasir dan ideologi atau fahaman dari luar.

Bagi mengukuhkan lagi syiar Islam di bumi Darussalam ini, Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat agar negara ini menjadi sebuah negara yang sentiasa berhias dengan zikir, iaitu sentiasa mengingati dan mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan. Ingatlah, keamanan dan kesejahteraan bermasyarakat dan bernegara itu akan lebih berkesan apabila penghuni di sesebuah negara itu sentiasa berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

Tafsirnya :

"Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)."

Inilah konsep negara zikir, di samping menjadikannya sebagai satu amalan dan pegangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi mensyukuri akan segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bumi yang bertuah ini.

Sesungguhnya konsep Melayu Islam Beraja adalah tunjang kekuatan negara dan jiwa raga Brunei. Oleh itu, apapun jua cabaran yang bakal kita tempuhi dan hadapi, kita mestilah sentiasa menempuhinya dengan semangat juang dan jiwa yang kental serta tidak mudah mengalah kepada sebarang ugutan atau ancaman dengan menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Berkuasa. Mudah-mudahan dengan yang demikian, negara kita akan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala serta terhindar dari sebarang marabahaya, bala bencana, musibah dan malapetaka. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Imran, ayat 26 :

Tafsirnya :

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Ya Allah Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan tersebut daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Dan Engkau jugalah yang memulihkan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dengan kekuasaan-Mu jualah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

BERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa. Sesungguhnya orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41 :

Tafsirnya :

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang ma'rif dan melarang daripada mengerjakan yang munkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan."

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang berdaulat dan merdeka, berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Konsep Melayu Islam Beraja ini telah menjulang, mengukuhkan dan mendaulatkan agama Islam di tempat yang teratas sebagai teras atau dasar kedaulatan bangsa dan negara. Sesungguhnya konsep Melayu Islam Beraja telah diterapkan di dalam pentadbiran, pengurusan, undang-undang negara, pembangunan negara, pendidikan dan di dalam kehidupan seharian rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini.

Melalui konsep atau pegangan ini, pembangunan dan kemajuan negara sentiasa berada di landasan yang benar

Penghijrahan pekerja wanita ASEAN dibincangkan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

GADONG, Rabu, 10 April. - Dialog Perundingan mengenai Program Selamat dan Adil (Safe and Fair Programme) : Menyedari hak dan peluang pekerja migran wanita di rantau ASEAN' membincangkan kemungkinan kempen-kempen maklumat dan kesedaran bagi para pekerja migran wanita.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa Sesi Dialog di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Dalam ucapan alu-aluan

Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Haji Ibrahim, antara lain menyentuh mengenai isu-isu berkaitan pekerja migran wanita.

Katanya penghijrahan pekerja wanita boleh menjadi sumber pemangkin yang mampu memberikan sumbangan sosial dan ekonomi kepada komuniti dan negara masing-masing.

"Pengalaman positif dan sumbangan pekerja migran wanita hanya dapat dipastikan sepenuhnya jika keselamatan, buruh dan hak asasi manusia dilindungi sepenuhnya," jelas beliau lagi.

Dialog sehari itu dihadiri oleh para pegawai dan perwakilan dari

Jabatan Buruh; Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM); Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE); Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Youth Against Slavery Brunei (YAS Brunei); Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Dewan Perniagaan dan Industri Negara Brunei Darussalam; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; dan Pejabat Peguam Negara.

Ia dimudah cara oleh Ketua Penasihat Teknikal bagi Program Selamat dan Adil juga para pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); dan Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Pejabat-pejabat Serantau bagi Asia dan Pasifik, antara lain membincangkan mengenai bantuan teknikal dan



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud (kanan) hadir selaku tetamu kehormat semasa Sesi Dialog di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

sokongan kepada Negara-negara Anggota ASEAN dengan tujuan utama menjadikan penghijrahan pekerja adalah selamat dan adil untuk semua wanita di rantau ASEAN.

Dialog dianjurkan oleh Jabatan Buruh, KHEDN dengan kerjasama ILO dan Entiti PBB bagi Kesaksamaan Gender dan Memperkasa Wanita (Wanita PBB).



Apa Pendapat Biskita?

Permainan tradisional jangan dilupakan

PERMAINAN tradisional anak-anak saat ini jarang dimainkan, bahkan sudah mulai ditinggalkan. Ini kerana peralihan zaman yang serba moden lebih membawa anak-anak zaman sekarang cenderung memilih permainan moden seperti PlayStation. Padahal, dalam permainan tradisional tersimpan makna persatuan dan kebersamaan.

Beberapa permainan tradisional yang kini sudah mulai ditinggalkan anak-anak seperti permainan Pasang, Congkak, Buah Lapas-Lapas, Salok-Salokan, Simban, Tempurong Laki, Kayu Tiga, dan Lompat Gatah yang menjadi permainan tradisional yang diwarisi sejak dahulu dan khazanah turun-temurun orang kitani Brunei yang mana permainan ini sudah sangat jarang dimainkan bahkan ibarat sudah terkubur ditelan zaman kemodenan.

Apa yang menyebabkan ia sudah kian hakis bahkan pupus begitu sahaja kerana perkembangan teknologi yang pesat, juga merupakan faktor yang menyebabkan permainan sederhana tersebut tidak lagi menjadi permainan kegemaran anak zaman sekarang. Selain itu, mulai berkurangnya bermain untuk anak-anak juga merupakan salah satu alasan anak-anak mulai meninggalkannya. Apa Pendapat Biskita mengenai kepupusan permainan dahulu kala yang sudah semakin dilupakan oleh generasi anak-anak zaman sekarang.

"Perkembangan zaman begitu pesat. Ilmu pengetahuan dan teknologi sangat membantu manusia mempermudah segalanya. Bahkan teknologi membuat perubahan dalam bidang permainan. Permainan-permainan tradisional mulai dilupakan dan ditinggalkan. Anak-anak sekarang lebih menggemari permainan teknologi, *games* daripada telefon dan internet. Anak-anak cenderung menjadi asyik sendiri dengan dunianya. Mereka tidak lagi berasakan proses daripada nikmatnya bekerjasama dengan orang lain, belajar bertoleransi, saling memahami dan memaafkan, pergerakan motorik kasar dan keseimbangan daripada kognitif (berfikir) dan efektif (emosi)." - **Saadiah Bakar, BSB.**

"Permainan anak-anak zaman sekarang lebih bersifat individu, ia memberikan contoh seperti PlayStation dan permainan komputer lainnya. Sementara permainan tradisional boleh menjadikan anak lebih kreatif, namun disebabkan peredaran masa, proses perbandaran dan perkembangan teknologi menyebabkan permainan berkenaan terkena tempas yang mengakibatkan ia kian pupus ditelan zaman. Ini jelas, apabila sebilangan besar generasi muda hari ini langsung kurang mengetahui permainan terbabit, seperti Galah Panjang, Tarik Upih (Daun Kelapa), Congkak, Baling Selipar, Teng Teng, Gasing dan banyak lagi." - **Mohammad Gazali Mohd. Arif.**

"Permainan tradisional yang popular suatu ketika dahulu kian semakin dipinggirkan dalam arus perdana dan seharusnya pelbagai langkah perlu dilakukan bagi mengembalikan kegemilangan permainan tradisional agar tidak lapuk dan bagi mendekati rakyat dengan permainan tradisional, pihak yang berkaitan perlu mengadakan kempen dan promosi melalui media cetak dan media elektronik selain mempromosikannya kepada para pelancong dan ini memerlukan pihak pengurusan hotel dalam membantu mempromosikannya seperti memberikan buku panduan tentang permainan tradisional kepada para pelancong yang menginap di hotel berkenaan." - **Fadzil Ibrahim.**

Pada pendapat saya selaku penulis Apa Pendapat Biskita, kepupusan permainan tersebut sudah tentu menjadikannya senario yang merugikan kerana permainan berkenaan sebahagian daripada khazanah Melayu yang dilupakan sedangkan ia mempunyai nilai tersendiri dan perlu dipelihara. Ini juga disebabkan banyaknya pengaruh moden yang menjadikannya sudah tenggelam kerana jika dahulu kebanyakan rumah di kampung-kampung tidak mempunyai televisyen menyebabkan anak-anak mengisi masa lapang mereka dengan permainan sebegini, di mana kebanyakan anak-anak yang di era 60-an hingga 90-an jarang berada di dalam rumah kerana lebih banyak menghabiskan masa di luar rumah untuk melakukan aktiviti ini (permainan tradisional) bersama rakan-rakan, adik-beradik mahupun jiran tetangga. Tetapi kini dengan kemasukan era globalisasi dan serba maju menyebabkan kanak-kanak menjadi individualistik dan lebih suka menyendiri dengan bermain *gadget* atau permainan video.

Lagi pula, jika kita amat-amati atau imbas kembali pada zaman era 70-an kebanyakan anak-anak kita lebih aktif kerana kebanyakan permainan yang dilakukan lebih bersifat kepada penggunaan tenaga seperti membuat senaman ringan jika dibandingkan dengan yang ada sekarang, di mana kanak-kanak kita sudah dikuasai teknologi apabila mereka lebih suka bermain permainan elektronik (permainan video) dan jarang berada di luar rumah untuk melakukan aktiviti pergerakan fizikal dan ini sedikit sebanyak boleh menyebabkan generasi baharu kita agak lembik.

Antara penyebab kepada kepupusan permainan tradisional ini juga ada berkaitan dengan proses perbandaran dan perkembangan teknologi memberi impak besar terhadap permainan tradisional. Namun proses perbandaran sudah setentunya kita tidak dapat menyekatnya kerana ia satu keperluan untuk menjadi negara maju. Bagaimanapun, kita masih perlu mencari langkah atau alternatif lainnya untuk menghidupkan kembali permainan tradisional tersebut dengan melibatkan pihak berkaitan untuk perlu lebih prihatin dengan memastikan setiap kawasan perumahan dilengkapi kawasan riadah supaya kanak-kanak boleh bergaul dan melakukan aktiviti fizikal bersama rakan-rakan.

Dahulu permainan tradisional sangat digemari anak-anak. Dampak permainan tradisional mengajarkan pentingnya sebuah proses dan menyoipkan nilai-nilai kebaikan. Permainan tradisional melatih anak dalam bersosial, ketangkasan dan motorik anak. Jadi, meskipun zaman telah berubah, akan lebih baik jika anak-anak sekarang diperkenalkan kembali dengan permainan tradisional kerana pada intinya baik permainan moden mahupun tradisional sama-sama menyenangkan dan memiliki manfaat.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Mengenai isu penderaan mental dalam pekerjaan.
ii. Jambatan penghubung ke Daerah Temburong.

Memperingati 10 Tahun Penubuhan PTES



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman semasa merasmikan sambutan dan melancarkan logo 10 Tahun Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) di Dewan Serbaguna PTES.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

SENGKURONG, Rabu, 10 April. Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) mula ditubuhkan pada tahun 2009, dikenali sebagai Pusat Tingkatan Enam Katok (PTEK).

Sehubungan itu, satu majlis

diadakan bagi Memperingati 10 Tahun Penubuhan pusat akademi berkenaan, berlangsung di Dewan Serbaguna PTES, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian



Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Pengetua PTES, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili dalam ucapan alu-aluannya, antara lain mengongosikan kecemerlangan yang dicapai oleh pusat akademik tersebut baik dalam akademik mahupun aktiviti ko-kurikulum.

Antara kecemerlangan tersebut ujarnya ialah menerima anugerah Insentif GCE 'A' Level bagi Kategori 2, iaitu sekolah-sekolah yang mencapai atau melimpasi sasaran 88 peratus memperoleh 2 'A' Level selama tiga tahun berturut-turut, iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018.

Selain itu, ujarnya lagi, tujuh pelajar PTES dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara mengambil jurusan perigian dan perubatan.

Semua pencapaian ini jelasnya, adalah berkat doa dan usaha semua warga pusat berkenaan, sekali gus menaikkan nama PTES.

Majlis juga diselenggarakan dengan pelancaran logo 10 Tahun PTES, disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Awang Aliuddin juga menyampaikan cenderamata kepada mantan-mantan Pengetua dan Timbalan Pengetua PTEK / PTES dan menanam pokok sempena 10 tahun penubuhan pusat berkenaan.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan-persembahan oleh para pelajar PTES seperti Deklamasi Sajak dan Nasyid.

Sejak penubuhannya, PTES berupaya menyumbang kepada kemajuan setiap individu, sama ada kepada pelajar, pensyarah, pihak pentadbiran atau kakitangan.

Pada tahun ini, PTES melakar 'School Improvement Plan 2019', berpandukan kepada Whole School Evaluation Framework untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada warga PTES, di samping mengenal pasti lima *focus area* yang perlu dipertingkatkan.

SEBAHAGIAN penuntut yang hadir pada majlis berkenaan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pengusaha Tempatan Mampu Beri Impak Pertumbuhan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 17 April 2019
2. 'Harta Benda Awam Tanggungjawab Masyarakat'. Tarikh Tutup : 24 April 2019
3. 'Membentuk Keluarga Bahagia dan Harmoni'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2019

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA :

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Sambutan Israk Mikraj UNISSA

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Rabu, 10 April. - Sambutan Israk Mikraj terus diadakan oleh beberapa pihak di negara ini bagi memperingati peristiwa bersejarah bermulanya penyiaran sembahyang fardu lima waktu.

Antara yang mengadakan sambutan seumpamanya ialah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), berlangsung di Auditorium, UNISSA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sambutan diisikan dengan Forum Khas yang membincangkan tajuk bersesuaian dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini, iaitu 'Sembahyang Membentuk Umat Bertaqwa'.

Para ahli panel forum terdiri daripada pelajar Program Ph.D Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awangku Mohammad Daud bin Pengiran Matassan; dan Pelajar Program Sarjana Usuluddin dari Indonesia, Muhammad Jihad Al Banna yang dipengerusikan oleh Pelajar Program Sarjana Muda Usuluddin, Ahmad Syafiee bin Aim.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tengah) hadir pada Sambutan Israk Mikraj anjuran UNISSA yang berlangsung di Auditorium, universiti tersebut.



PARA ahli panel forum terdiri daripada pelajar Program Ph.D Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awangku Mohammad Daud bin Pengiran Matassan; dan Pelajar Program Sarjana Usuluddin dari Indonesia, Muhammad Jihad Al Banna yang dipengerusikan oleh Pelajar Program Sarjana Muda Usuluddin, Ahmad Syafiee bin Aim.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian insentif kepada pelajar yang bergiat aktif dan mengharumkan nama UNISSA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2018, disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Selain menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj, majlis itu diadakan untuk mengagungkan peristiwa Israk dan Mikraj; dan mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Majlis juga untuk menghargai sumbangan pelajar-pelajar yang mengharumkan nama UNISSA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, di samping menanamkan semangat pelajar-

pelajar lain untuk ikut serta dalam pertandingan dalam atau luar negara.

Juga hadir pada majlis tersebut, Timbalan Rektor UNISSA, Dr.

Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Tinjau Pusat Bahagia Eric Goh

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Seramai empat orang guru, 11 pelajar Program Pra-Vokasional Sekolah Menengah Perdana Wazir bersama ibu bapa dan penjaga pelajar membuat lawatan ke Pusat Bahagia Eric Goh di Daerah Belait.

Lawatan tersebut merupakan salah satu aktiviti yang dirancang dalam Pelan Tindakan Jabatan Pra-Vokasional bagi Tahun 2019 dengan empat objektif utama.

Objektif pertama adalah untuk mengetahui sejarah Pusat Bahagia Eric Goh. Objektif kedua adalah untuk mengetahui kursus-kursus yang ditawarkan sebagai salah satu hala tuju anak mereka selepas menamatkan Program Pra-Vokasional bagi ibu bapa dan penjaga. Objektif ketiga adalah untuk mengetahui strategi pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh tenaga pengajar di pusat. Objektif keempat adalah untuk menjalankan aktiviti kolaborasi seperti kraf tangan dan permainan uji minda di antara pelajar dan guru Sekolah Menengah Perdana Wazir dan Pusat Bahagia Eric Goh.

Mengetuai lawatan berkenaan adalah Ketua Jabatan Pra-

Vokasional, Dayang Hajah Jamilah binti Haji Sulaiman yang juga merupakan salah seorang Guru Homeroom Program Pra-Vokasional.

Rombongan disambut oleh Ketua Pengajar Kanan, Dayang Rafidah binti Hidup.

Lawatan diteruskan dengan aktiviti kolaborasi di antara pelajar dan guru Sekolah Menengah Perdana Wazir dengan Pusat Bahagia Eric Goh.

Lawatan diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata di antara Sekolah Menengah Perdana Wazir dengan Pusat Bahagia Eric Goh.

Bagi pihak Sekolah Menengah Perdana Wazir, cenderamata berbentuk kolaj disampaikan oleh pelajar Tahun 7 Program Pra-Vokasional, Dayang Mas Atiqah binti Arbi yang merupakan hasil kerja tangan beliau kepada Dayang Rafidah binti Hidup dari Pusat Bahagia Eric Goh.

Dayang Rafidah seterusnya menyampaikan cenderamata berbentuk lukisan yang merupakan hasil kerja tangan salah seorang pelatih pusat kepada Ketua rombongan Sekolah Menengah Perdana Wazir.



PELAJAR Tahun 7 Program Pra-Vokasional, Dayang Mas Atiqah binti Arbi menyampaikan hasil kerja tangan beliau kepada Dayang Rafidah binti Hidup dari Pusat Bahagia Eric Goh.

Tingkat kesedaran pentingnya produk halal



PENYAMPAIAN cenderamata kepada penceramah jemputan, Pegawai Uagama Kanan di Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKM), Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU), Awang Ahmad Haziq bin Haji Abdul Hamid.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Rabu, 10 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban mengadakan siri terakhir perkongsian ilmu 'Halalan Thayyiban Talk' Siri 3, bertemakan 'Ke arah Membangun Generasi Thayyibun wa Thayyibat', bertempat di Dewan Jubli, UNISSA, di sini.

Hadir selaku penceramah jemputan, Pegawai Uagama Kanan

di Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKM), Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU), Awang Ahmad Haziq bin Haji Abdul Hamid, antara lain mengongsikan latar belakang dan tanggungjawab BKM dalam memantau kemasukan juga pengeluaran makanan dan produk halal di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Majlis Uagama Islam Brunei (MUIB), KHEU dan Jabatan Perdana Menteri.

Awang Ahmad Haziq juga menerangkan mengenai prosedur kemasukan daging halal ke negara ini dan permohonan sijil halal bagi setiap rumah penyembelihan tempatan.

Pegawai Pemerhati yang dipengerusikan oleh Pengarah Hal Ehwal Syariah jelas beliau, antara lain berperanan untuk memastikan proses penyembelihan di *abattoir* negara luar mengikut syarat-syarat yang ditentukan demi menjamin kualiti, kebersihan dan status kehalalan daging tersebut.

Manakala proses *stunning* pula jelasnya lagi adalah tidak digalakkan kecuali bagi binatang berkaki empat seperti lembu dengan syarat tulang kepala binatang tersebut tidak retak kerana ia boleh dikategorikan haram untuk dimakan.

Awang Ahmad Haziq seterusnya menjelaskan, mana-mana pemohon yang gagal untuk memohon sijil halal atau penyalahgunaan logo halal akan dikenakan tindakan.

Seramai 100 orang pelajar, termasuk pensyarah-pensyarah dan kakitangan dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban menghadiri sesi perkongsian tersebut.

Dengan adanya sesi perkongsian seumpama ini diharap akan dapat menghasilkan pelajar yang dapat menyumbang kepada perkembangan industri halal dan meningkatkan kesedaran di antara para pengguna mengenai kepentingan produk halal, terutamanya kepada orang awam.

...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

Perancangan Allah pasti terbaik



MENTERI di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa menyampaikan ucapan khas pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Taqwa boleh mendorong seseorang melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*, di samping *taqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah dengan amalan sunat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menekankan, kepentingan taqwa amat jelas apabila dinyatakan bahawa manusia yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa.

"Taqwa sangat penting kepada seseorang mukmin kerana ia umpama nyawa yang sentiasa menghidupkan hati. Pergerakan

hati seorang insan yang bertaqwa sentiasa dipandu petunjuk Allah," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan khasnya mengenai 'Mencari Keretaan, Janji dan Pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala' pada Taklimat dan Lawatan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang berlangsung di bangunan, Pusat Da'wah Islamiah, di sini.

Yang Berhormat memetik Surah At-Thalaq Ayat 2, 3, 4 dan 5 yang menjelaskan bahawa mereka yang bertaqwa akan mendapat pemeliharaan dan perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta diberi jalan keluar sewaktu menghadapi sebarang masalah.

Tambah Yang Berhormat, mereka juga akan diberi rezeki oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya bagi seorang Muslim merebut peluang ini bersungguh-sungguh bagi membentuk jiwa dan diri masing-masing untuk mencapai tahap dan kedudukan yang tinggi dan mulia.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh kewajipan mentaati pemimpin kaum Muslimin dan merupakan satu akidah dalam agama ini, iaitu keyakinan beragama seorang Muslim kepada Rabbnya.

Jelas Yang Berhormat, apabila seorang penguasa atau pemimpin memerintahkannya dengan suatu perintah, maka wajib untuk dilaksanakan, selama tidak memaksati Allah dan jika

pemimpin melarang sesuatu, wajib untuk berhenti dan meninggalkannya.

"Pemimpin adalah para ulama dan para penguasa. Mentaati mereka membawa kebaikan agama dan dunia dan menyelisih mereka adalah kerosakan agama dan dunia. Para pemimpin adalah ibarat perisai, melindungi jalan-jalan kaum Muslimin dari orang-orang yang ingin merampok, mengambil harta, membunuh atau merosak kehormatan, mencegah orang yang ingin merosak keamanan, mereka memimpin rakyat ketika berjihad di jalan Allah, membela harta dan kehormatan," ujar Yang Berhormat.

Kewajipan mentaati Allah, Rasul dan Ulil Amri itu adalah petikan dari Surah An-Nisaa, Ayat 59.

Pada ucapan khas tersebut, Yang Berhormat menambah bahawa janji Allah itu adalah benar dan sebagai seorang Muslim yang beriman, kita perlu yakin dengan janji-janji Allah yang dinyatakan di dalam Al-Quran.

Yang Berhormat berkata, menanti janji Allah itu, wajib kitani bersabar ke atasnya kerana sudah pasti perancangan Allah adalah yang terbaik.

Sebagai umat manusia, jelas Yang Berhormat, pastinya pandangan dan logik fikiran kita itu lemah atau tidak mampu melihat dari sudut pandangan yang tepat mengenai masa depan. Jadi, tidak wujud sama sekali perkataan cepat, lambat, awal atau akhir bila



HADIR pada sesi taklimat bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang yang diadakan di Dewan Pusat Da'wah Islamiah ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

tertunainya atau berlakunya janji Allah itu kerana sudah pastinya apabila janji Allah itu berlaku, ia adalah tepat pada waktunya.

Ujar Yang Berhormat, di sinilah letaknya 'ujian' kita sebagai Muslim yang beriman dan bertaqwa menanti tertunainya janji Allah.

Di dalam Al-Quran, banyak disebutkan mengenai janji Allah tambah Yang Berhormat, antara janji Allah itu Allah akan sentiasa memberikan jalan keluar dan rezeki dari arah yang tidak kita sangka-sangka, khususnya

kepada hamba-Nya yang bertaqwa, Allah juga berjanji akan menambahkan nikmat bagi mereka yang sentiasa bersyukur kepada-Nya.

"Oleh yang demikian berimanlah, peganglah tagap-tagap dan jangan sekali-kali goyah atau ada perasaan ragu dan khuatir terhadap janji Allah ini. Jadikan ia pengukuh iman, pendorong kitani dalam melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* dalam merebut dan mencari keretaan Allah," tegas Yang Berhormat.

Jana ekonomi capai Wawasan Brunei 2035



UCAPAN alu-aluan daripada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

LUMUT, Khamis, 11 April. - Dalam usaha menuju Wawasan Brunei 2035, kesedaran beragama merupakan komponen terpenting dalam pembangunan negara agar sentiasa menjadi negara yang progresif, tetapi sentiasa meraih keretaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Melalui Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diadakan di keempat-empat daerah anjuran Jabatan Penerangan, masyarakat terutama di peringkat akar umbi berpeluang memperoleh maklumat dan ilmu pengetahuan melalui sesi-sesi taklimat oleh penceramah dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, di samping mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang dipilih.

Sehubungan itu, seramai 40 peserta dari Kampung Lumut I,

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Mukim Sungai Liang hari ini memulakan program tersebut selama dua hari dengan majlis pembukaan yang berlangsung di Balai Raya Kampung Lumut I, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang. Juga hadir ialah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdul Haziz bin Haji Ahad.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pengerusi PMB, menyatakan, perlunya kita sentiasa memperkaya diri dengan ilmu ugama dengan sentiasa mengetahui perkembangan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, katanya,

penjanaan ekonomi juga menjadi salah satu usaha penting dalam mencapai wawasan negara yang perlu diberi perhatian tinggi, yang bermakna sebagai masyarakat akar umbi, selain perlunya menyedari peranan penting ke arah menjana ekonomi negara melalui perusahaan kecil dan sederhana seperti inisiatif 'Satu Produk Satu Kampung'.

Rombongan peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Lumut 1, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani akan mengadakan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah; Darussalam Enterprise dan Rimba Garden Central, di samping mendengar ceramah dan taklimat daripada Jabatan Penerangan; Bahagian Penguatkuasaan Ugama; JobCentre Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Bahagian Hal Ehwal Syariah.



SEBAHAGIAN daripada peserta PMB dari Kampung Lumut I.

DARe dukung pembangunan perusahaan tempatan



PARA peserta PMB mendengarkan sesi taklimat mengenai 'Peluang-peluang dan Program Keusahawanan'.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Penubuhan Darussalam Enterprise (DARe) dihasrat untuk membangun perusahaan menjadi penggerak perkembangan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

DARe membangun Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui peningkatan keupayaannya; menyediakan Latihan dan Perkembangan PMKS; Memudah cara ekosistem yang Pro-Perniagaan; Menggalakkan Budaya Keusahawan dan Menggalakkan

Sumbangan PMKS ke arah ekonomi.

Perkara demikian dijelaskan oleh Penolong Pegawai, Business Advisory and Services, DARE, Dayang Nur' Iffat Nazurah binti Abdul Razak semasa menyampaikan Taklimat Peluang-peluang dan Program Keusahawanan pada Lawatan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang berlangsung di bangunan, DARE, di sini.

Ke muka 21

...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

Keluaran industri pertanian dijangka meningkat



PARA pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ketika menyampaikan taklimat pertanian di Dewan Serbaguna Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut (kiri), manakala gambar kanan, salah seorang peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) mengajukan pertanyaan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Rabu, 10 April. - Industri Pertanian dan Agrimakanan adalah salah satu sektor utama yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kepelbagaian ekonomi negara.

Melalui pelan strategik yang dilakar, keluaran industri pertanian dijangka meningkat pesat, di mana penyumbang utama dihasilkan oleh sektor tanaman dan ternakan.

Oleh itu, untuk terus membangunkan sektor pertanian, terutamanya industri ternakan dan

tanaman, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, antara lain berusaha menggalakkan penyertaan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan meningkatkan akses pasaran eksport.

Perkara tersebut antara yang disentuh oleh Pegawai Pertanian, Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar dalam Sesi Taklimat Industri Tanaman dan Keusahawanan di Negara Brunei Darussalam bagi siri Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Ukong; Kampung Long Mayan; dan Kampung Bukit, Daerah Tutong, berlangsung di

Dewan Serbaguna Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut, di sini.

Juga dikongsikan ialah mengenai agribisnes, iaitu memulakan perniagaan dalam bidang pertanian; cadangan tanaman; cadangan buah-buahan (Tanaman Bermusim dan Tanaman Tidak Bermusim); Garis Pandu dalam Penyediaan Kertas Kerja; Model Aliran Tunai atau Cash Flow juga beberapa tip Usahawan dalam Agribisnes.

Para peserta program seterusnya mendengarkan taklimat Industri Ternakan dan Keusahawanan di Negara Brunei Darussalam, disampaikan oleh Pemeriksa Ternakan, Awang Md. Abdul Aziz Adun, antara lain mengongsikan mengenai Jenis Komoditi, Perusahaan dan Jenis Hasil bagi Pelbagai Ternakan, Ternakan Bukan Ruminan dan Ternakan Ruminan.

Beliau juga mengongsikan mengenai Statistik Pengeluaran

bagi Industri Ternakan 2017, Teknologi dalam Penternakan; Perkara-perkara yang Perlu dalam Bidang Pemeliharaan Ternakan seperti Pengurusan Am, Pengurusan Ternakan, Sistem Pemeliharaan, Pemakanan dan Kawalan Penyakit; Bidang Potensi di dalam Penternakan dan Bagaimana untuk Memulakan; dan Carta Aliran Perancangan untuk Memulakan Perusahaan Industri Ternakan.

Ketahui kaedah tanaman terkini

KILANAS, Rabu, 10 April. - Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Ukong; Kampung Long Mayan; dan Kampung Bukit, Daerah Tutong meneruskan siri lawatan dengan membuat persinggahan ke RZ Prisma Enterprise, terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KPP), Kilanas, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei.

Beroperasi di tapak berkeluasan satu hektar, perusahaan tersebut menjalankan perusahaan tanaman sayur dan buah bernilai tinggi

dengan kaedah hidroponik dan tanaman menegak.

Semasa lawatan tersebut, Pengurus Umum dan Pemilik RZ Prisma Enterprise, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail memberikan taklimat ringkas mengenai peranan dan hasil jenis tanaman menerusi sistem hidroponik tanpa mekanisasi juga automasi yang dipasang di Ladang RZ Prisma.

Di ladang tersebut, para peserta juga berpeluang untuk meninjau beberapa tempat tanaman seperti



PARA peserta PMB ketika mendengarkan taklimat semasa membuat lawatan ke RZ Prisma Enterprise.

Tanaman Sayur-sayuran menggunakan Sistem Rumah Terlindung (Greenhouse), Hidroponik dan Sistem Bertingkat (Vertical Farming) yang diguna pakai di perusahaan berkenaan.

Para peserta PMB juga membuat lawatan ke Rimba Garden Central (RGC), terletak di Jalan Kampung Rimba, Gadong.

Eksekutif Perhubungan Pemasaran RGC, Awang Md. Fairuz bin Haji Aminuddin dalam taklimat ringkasnya menerangkan secara ringkas mengenai RGC yang dibina oleh K.N. Nursery (B) Sdn. Bhd. dan mula beroperasi pada bulan Februari 2018.

RGC merupakan pusat hortikultur terbesar di negara ini yang dilengkapi dengan tanaman dan infrastruktur yang luas bagi memberikan para pengunjung satu pengalaman membeli-belah di dalam taman secara lebih komprehensif.

Ketika berada di RGC, para peserta tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan lebih dekat keindahan taman-taman landskap dan kemudahan lainnya seperti Dewan Bankuet dan Restoran Veranda.

PMB beri manfaat, inspirasi

Oleh : Khartini Hamir

KILANAS, Rabu, 10 April. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) banyak memberikan manfaat, pengalaman dan inspirasi kepada para peserta menerusi taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan yang diaturkan di sepanjang dua hari program tersebut diadakan.

Demikian dijelaskan oleh salah seorang peserta PMB, Ketua Kampung Bukit, Awang Haji Muhammad Shadiqin bin Abdullah Janjam ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei pada hari terakhir program diadakan.

Awang Haji Muhammad Shadiqin menjelaskan melalui PMB, para peserta berpeluang memperoleh banyak ilmu antaranya konsep makanan halal dalam Islam juga mengetahui isu pengangguran dan memilih pekerjaan.

"Selain itu, kami juga beroleh manfaat ilmu dan pengetahuan menerusi taklimat-taklimat keusahawanan dan lawatan ke ladang hidroponik yang merupakan sesuatu pengalaman baharu bagi kami dalam bidang pertanian," katanya.

5. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan tajuk tawaran dan pada bilangan atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong.

6. Pihak yang berminat adalah dialu-alukan untuk membuat penelitian dan pemeriksaan bagi kenderaan- kenderaan tersebut pada jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.30 Petang hingga 3.30 Petang waktu bekerja bertempat di Jabatan Penerangan.

7. Senarai TIGA (3) buah kenderaan tersebut adalah seperti berikut :

- MITSUBISHI PAJERO GL - BG 8098**
- MITSUBISHI L300 (Panel Van) - BG 9479**
- HICOM MTB 150DX (Light Truck) - BG 9568**

8. Maklumat dan syarat-syarat lain bolehlah dirujuk dalam borang tawaran sebut harga tersebut.

9. Pembeli / pengusaha / syarikat yang membuat tawaran harga yang paling tinggi akan dikira berjaya.

10. Sebarang maklumat berjaya atau tidak berjaya akan dimaklumkan melalui maklumat balas selepas saja penilaian dibuat dan keputusan penilaian adalah muktamad.

Tandatangan Perjanjian Kerjasama Strategik



PENGERUSI Majlis Perniagaan BIMP-EAGA Brunei Darussalam, Pengiran Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Multiuse Products for Agriculture dijangka akan dapat mempercepatkan pertumbuhan dan meningkatkan jumlah tanaman.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME), Majlis Perniagaan BIMP-EAGA Brunei Darussalam, Kapten (B) Zailan bin Pehin Datu Kerma Setia Mejar (B) Dato Seri Laila Jasa Mohd. Don pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama Strategik, berlangsung di Brunei River Cruise, Jeti Queen Elizabeth, Kampung Dato Gandhi, di sini.

Menurut Kapten (B) Zailan, produk tersebut telah diuji kaji pada program perintis dan dengan penandatanganan perjanjian bersama Program Rintis

Kumpulan Tani Muda (Young Farmers Group - YFG) dari Pusat

Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



PENANDATANGANAN Perjanjian Kerjasama Strategik di antara International Halal Trade Hub and Services Brunei (IHTHS) diwakili oleh Awang Ramlee bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Zainuddin dengan Pertubuhan Pengurusan Pembangunan Ekonomi Malaysia (EDMO), Ariff Fadli bin Abdul Wahab.

Berita dan Foto : Aimi Sani

dapat mewujudkan perkhidmatan aliran lestari, memberikan peluang pekerjaan serta mempromosikan pembangunan kluster.

Perjanjian Kerjasama Strategik itu juga jelas beliau berkemungkinan besar mampu membina sebuah kilang di Negara Brunei Darussalam bagi menghasilkan produk-produk tersebut untuk pasaran Brunei, pasaran BIMP-EAGA dan permintaan pasaran global yang semakin meningkat.

Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama Strategik di antara International Halal Trade Hub and Services Brunei (IHTHS) ditandatangani oleh Awang Ramlee bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Zainuddin

dan Pertubuhan Pengurusan Pembangunan Ekonomi Malaysia (EDMO) ditandatangani oleh wakilnya, Ariff Fadli bin Abdul Wahab.

Sementara itu, bagi Majlis Penandatanganan Program Rintis pula, perjanjian di antara YFG, diwakili oleh Awang Hairinshah bin Tahiruddin, manakala IHTHS pula diwakili oleh Awang Ramlee bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Zainuddin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penandatanganan perjanjian tersebut ialah Pengerusi Majlis Perniagaan BIMP-EAGA Brunei Darussalam, Pengiran Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof.



PENANDATANGANAN Program Rintis di antara YFG yang diwakili oleh Awang Hairinshah bin Tahiruddin dan IHTHS pula diwakili oleh Awang Ramlee bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Zainuddin.

Semai cinta terhadap negara

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan

Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berlangsung di dua buah sekolah, di sini.

Program dihadiri oleh para penuntut Tahun 7 Sekolah St. Andrew, bertempat di Dewan sekolah berkenaan.

Antara perisian program adalah taklimat kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Sementara itu, di Bilik Mumtaz, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, program dihadiri oleh para penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Taklimat yang sama disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Program di kedua-dua buah sekolah tersebut juga diselitkan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan, dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Program yang merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan



KETUA Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya (kanan) semasa menyampaikan taklimat kepada para penuntut Tahun 7 Sekolah St. Andrew, bertempat di Dewan sekolah berkenaan.

Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara seumpama ini diadakan

dengan tujuan mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri

penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.



PENOLONG Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin (kiri) semasa menyampaikan taklimat di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (kiri). Sementara gambar kanan, antara pelajar Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam yang hadir mendengarkan taklimat tersebut.



Hindari jenayah mencuri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Mencuri merupakan satu kesalahan jenayah yang berat dalam Islam dan ia termasuk dalam kesalahan jenayah hudud.

Menurut syarak pula, mencuri adalah perbuatan seseorang yang mukallaf yang mengambil harta orang lain secara sembunyi-sembunyi tanpa pengetahuan pemiliknya.

Pegawai Pelajaran Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIAD), Awang Nurhazmie bin Haji Razali, menggariskan perkara itu dalam Tazkirahnya bertajuk 'Hindari Jenayah Mencuri' pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan April 2019 Masihi / 1440 Hijrah di SUAMPRIAD, di sini.

Tegasnya, hukum mencuri itu adalah haram kerana ia termasuk dalam perbuatan memiliki sesuatu secara haram lagi batil.

"Firman Allah Subhanahu Wata'ala, tafsirnya, "Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa urusan harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui, dari Surah Al-Baqarah, ayat 118," terangnya.

Menurut beliau lagi, punca berlakunya jenayah mencuri, antaranya ialah faktor terlibat dengan penagihan dadah, lemahnya iman, faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya, faktor kewangan, pengaruh persekitaran dan kurangnya didikan, pegangan dan penghayatan terhadap ajaran agama Islam.

Maka, untuk menghindari jenayah mencuri itu katanya adalah dengan didikan agama yang



PEGAWAI Pelajaran Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIAD), Awang Nurhazmie bin Haji Razali, semasa menyampaikan Tazkirah pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab bagi bulan April 2019 Masihi / 1440 Hijrah.

Oleh: Nooratini Haji Abas

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

kukuh dengan memelihara ibadat sembahyang kerana Allah Subhanahu Wata'ala, memperbanyakkan bacaan Al-Quran agar tidak terpengaruh dengan hasutan iblis dan hawa nafsu dan memiliki akhlak mulia seperti mempunyai sifat malu.

Justeru itu, tegas beliau, semua pihak berperanan untuk mencegah daripada berlakunya jenayah mencuri di sekitar kita. Segalanya bermula daripada pendidikan akidah yang mantap, yang mana setiap perbuatan kita sentiasa dilihat oleh Allah Subhanahu Wata'ala, ia tidak akan melakukan jenayah mencuri dan dosa-dosa yang lain juga.

Acara program dimulakan dengan Sayyidul Istighfar diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, tazkirah, Selawat-Selawat Nabi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir pada program tersebut ialah Pengetua SUAMPRIAD, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Tahir, guru-guru serta pelajar SUAMPRIAD.

Program yang sama turut diadakan secara serentak di seluruh negara, iaitu di Sekolah Ugama Haji Tarif, Kampung Tamoi, Brunei I; Sekolah Ugama Lamumin, Daerah Tutong; Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan SOAS, Daerah Belait; dan Sekolah Ugama Amo, Daerah Temburong.

Peserta kursus terima sijil

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Kursus Fardu Kifayah yang berlangsung sejak 8 April lalu berakhir dengan majlis penyampaian sijil kepada para peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus, berlangsung di Masjid Kampung Bunut, di sini.

Seramai lebih 70 peserta menyertai kursus yang diadakan bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj, anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir / Muslimah Masjid Kampung Bunut bersama Ikatan Belia Kampung Bunut (IKERAB) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu Pengerusi Takmir Masjid Kampung Bunut, Awang Haji Shahri bin Awang Murat dalam ucapannya menyedari akan kepentingan fardu kifayah sebagai satu kewajipan untuk dilaksanakan kepada jenazah seorang Islam.

Melalui kursus tersebut ujarnya, sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan akan pelaksanaan dan kesempurnaan pengurusan jenazah yang perlu disempurnakan mengikut selayaknya.

Para peserta kursus terdiri daripada Jemaah Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir / Muslimah Masjid Kampung Bunut; Ahli Jawatankuasa Takmir / Muslimah Masjid Kampung Bunut; belia dan beliawanis IKERAB; dan penduduk berdekatan.

Adalah diharap dengan adanya kursus seumpama ini dapat membantu para belia dan beliawanis juga peserta kursus untuk memahami konsep sebenar dalam menyempurnakan jenazah dan dapat mempraktikkan semua pengetahuan yang dipelajari ketika diperlukan.



PENGHULU Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus selaku tetamu kehormat ketika menyampaikan sijil kepada wakil peserta Kursus Fardu Kifayah.

Bimbing pelajar berpotensi



BENGKEL difasilitator oleh Guru Kerjaya Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Raymond George.

Siaran Akhbar dan Foto: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menganjurkan Bengkel Penulisan 'Personal Statement' yang merupakan antara program sokongan bagi membarigakan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB dan memberi khidmat bantu kepada pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti sebagai persediaan mereka dalam menyediakan dokumen yang diperlukan oleh universiti-universiti ternama di seluruh dunia.

Bengkel tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.

Antara keistimewaan bagi penerima-penerima anugerah Biasiswa Sultan's Scholar ialah meneruskan pengajian mereka di universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia, iaitu 20 universiti teratas di dunia.

Proses kemasukan ke universiti-universiti ternama ini melibatkan persaingan tinggi daripada pelajar-pelajar cemerlang dari seluruh dunia. Oleh itu, pelajar-pelajar yang berhasrat

untuk memasuki universiti-universiti tersebut perlulah meningkatkan kemahiran mereka dalam beberapa aspek juga menimba banyak pengalaman yang boleh menjadi kelebihan bagi diri mereka.

Bengkel Penulisan Personal Statement tersebut bertujuan untuk membimbing pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti sebagai pelajar berpotensi untuk menghasilkan Personal Statement yang merupakan salah satu aspek penting dalam permohonan untuk memasuki universiti ternama dunia.

Personal Statement yang berkesan perlu memenuhi beberapa kriteria yang akan dibentangkan dalam bengkel berkenaan.

Bengkel tersebut diadakan dalam dua sesi dan difasilitator oleh Guru Kerjaya Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Raymond George.

Pelajar-pelajar yang menyertai sesi bengkel terdiri daripada lapan orang pelajar dari International School Brunei dan tujuh dari Jerudong International School yang juga didampingi oleh guru kerjaya masing-masing. Manakala sesi kedua akan diadakan pada 17 April 2019 dan akan menerima penyertaan daripada pelajar-pelajar daripada beberapa buah Pusat Tingkatan Enam dari seluruh negara.

Hukuman dijatuhkan

Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

BERAKAS, Rabu, 10 April. - Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berhasil menahan seorang suspek warga tempatan yang dipercayai terlibat dalam kes curi di dua buah kedai berasingan di kawasan Mukim Berakas.

Tertuduh ialah Abdullah Mukhlis bin Khalid, berumur 32 tahun dan tidak bekerja.

Pada hari ini, tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas kesalahan di bawah Seksyen 380 Hukuman Kanun Jenayah Penggal 22, iaitu Kesalahan Melakukan Curi di dalam Bangunan Perniagaan.

Hasil daripada sebutan kes, tertuduh mengaku bersalah dan pihak mahkamah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama sembilan bulan di Penjara Maraburong bermula hari ini, 10 April 2019.

PPDB ingin menegaskan kepada orang awam bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak dalam mengambil

tindakan tegas dan akan menghadapkan ke muka pengadilan kepada sebarang individu atau kumpulan yang melibatkan diri dengan kegiatan jenayah di negara ini.



TERTUDUH, Abdullah Mukhlis bin Khalid, berumur 32 tahun dan tidak bekerja.

Kawal selia pendaftaran perahu

BANDAR SERI BEGAWAN, RABU, 10 April. - Dalam usaha mempergiatkan pembarigaan mengenai dengan kepentingan dalam sama-sama meningkatkan tahap keselamatan pengangkutan air, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam atau Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD) telah mengadakan sesi muzakarah susulan bersama para pemilik, pengendali dan / atau pemandu perahu-perahu tambang yang bertempat di Dewan Silaturahim,

Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sesi muzakarah tersebut bukan sahaja terhad kepada para pemilik, pengendali dan / atau pemandu perahu-perahu tambang, tapi juga dibukakan kepada orang ramai yang berminat untuk mengetahui mengenai proses dan prosedur pendaftaran perahu.

Sesi muzakarah itu bertujuan untuk memberikan penekanan ke atas peraturan pihak MPABD dalam pengawalseliaan pendaftaran mana-mana



TAKLIMAT disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam atau Maritime Port Authority Brunei Darussalam (MPABD).



ANTARA pemilik, pengendali dan pemandu perahu-perahu tambang yang hadir pada sesi tersebut.

perahu-perahu yang beroperasi di perairan negara terutama sekali di Sungai Brunei.

Peraturan bagi para pemilik perahu untuk menyediakan alat-alat keselamatan di dalam perahu juga turut diberikan penekanan terutama sekali mengenai keperluan pemakaian jaket-jaket keselamatan bagi para pengendali dan para penumpang semasa berada di atas perahu.

Alat-alat keselamatan seperti boya, lampu-lampu dan pengayuh juga turut dinasihatkan untuk disediakan di dalam perahu sebagai salah satu inisiatif dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

meningkatkan tahap keselamatan pengangkutan air, di samping keperluan bagi para pemandu untuk mendapatkan Sijil Kecekapan Kelas 9 (Terhad) juga turut diberikan perhatian.

Pendekatan berterusan yang diambil oleh pihak MPABD dalam membarigakan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak MPABD ini diharap akan dapat menanamkan kesedaran di antara para pengendali dan penumpang

dalam sama-sama menjaga dan mengutamakan keselamatan semasa berada di dalam perahu agar dapat membantu mengurangkan risiko kejadian yang tidak diingini.

Sesi muzakarah bagi pembarigaan keselamatan pengangkutan air tersebut akan diadakan secara berterusan dan juga akan dilartakan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

DARe dukung pembangunan perusahaan tempatan

Dari muka 12

Tambahnya, DARe merupakan badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Februari 2016, di mana Lembaga Tadbirnya majoriti terdiri dari sektor swasta.

Beliau menjelaskan, antara inisiatif dan program bantuan PMKS adalah Promosi; Akses Pembiayaan; Ruang Perniagaan; Latihan dan Perkembangan; Perkhidmatan Sokongan dan Akses Pasaran.

Dalam meningkatkan keupayaan DARe melalui ruang perniagaan yang berkualiti, tambahnya, DARe terus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan prasarana yang berkualiti bagi mendukung pembangunan perusahaan tempatan.

"Ini melalui Ruang 'Incubation', Co Working dan Pra Komersial, iaitu untuk mendukung perusahaan mikro dan *high value startups* di peringkat awal perkembangan perniagaan mereka dan Tapak Perindustrian dan 'Ready Built Factories', iaitu menyediakan 29 tapak termasuk tapak perindustrian dan *ready built factories* untuk mendukung perkembangan Pelabur Langsung Asing dan aktiviti pembuatan tempatan," ujarnya.

Sejurus selepas itu, para peserta PMB meneruskan lagi siri lawatan mereka ke Rimba Garden

Central (RGC) yang terletak di Jalan Kampung Rimba, Gadong.

Penyelaras Projek Syarikat K. N. Nursery (B) Sendirian Berhad, Awang Haji Jamalludin bin Haji Yusoff dalam taklimat ringkasnya pula menerangkan serba sedikit mengenai RGC yang dibina oleh K.N. Nursery (B) Sdn. Bhd., dan mula beroperasi pada bulan Februari 2018.

Ia merupakan pusat hortikultur terbesar di negara ini yang dilengkapi dengan tanaman dan infrastruktur yang luas bagi memberikan para pengunjung satu pengalaman membeli-belah di dalam taman secara lebih komprehensif.

Sebagai Pusat Hortikultur Sehenti (One-Stop Horticulture), para peserta juga berkesempatan meninjau beberapa tempat di pusat berkenaan, antaranya di Pusat Membeli Belah yang menjual pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan, peralatan untuk hiasan taman, keperluan *hardscape*, pasu hiasan, baja berkualiti tinggi, produk kraf tangan, karya seni dan cenderahati serta pelbagai keperluan lain.

Para peserta kemudian dibawa melawat dan meninjau taman-taman landskap yang direka berwarna-warni dengan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan dan hiasan seperti pancutan air muzik, roda air, air terjun, kemudahan aktiviti luaran serta kemudahan fasiliti yang lain yang terdapat di RGC.

KDNK catat pertumbuhan positif

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Ekonomi negara pada tahun 2018 meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding 1.3 peratus pada tahun 2017. Peningkatan tersebut dicapai setelah pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku keempat 2018 (Q4 2018) mencatatkan pertumbuhan positif.

Pada suku keempat 2018, KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.8 bilion berbanding BND4.3 bilion pada Q4 2017.

Sektor Minyak dan Gas yang bernilai BND2.7 bilion telah menyumbang 55.1 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.

Pada harga tetap, KDNK pada Q4 2018 meningkat sebanyak 1.0 peratus tahun-ke-tahun.

Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terutama dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 6.8 peratus. Manakala, Sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 3.3 peratus.

Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas antara lain adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan (29.7 peratus), Subsektor Perkhidmatan Kerajaan (5.5 peratus) dan Perdagangan Borong dan Runcit (5.2 peratus).

Manakala penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli [Liquefied Natural Gas (LNG)] dan Methanol yang menurun sebanyak 6.3 peratus berikutan pengeluaran LNG yang menurun dari 1,032,050 MMBtu sehari pada Q4 2017 kepada 924,232 MMBtu sehari pada Q4 2018.

Ini diikuti oleh penurunan Subsektor Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 2.3 peratus selaras dengan penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 118.1 ribu tong sehari pada Q4 2017 kepada 117.5 ribu tong sehari pada Q4 2018.

Pengeluaran gas asli juga menurun dari 36.2 juta meter padu sehari kepada 33.1 juta meter padu sehari.

Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada suku keempat 2018 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Perkhidmatan sebanyak 6.4 peratus.

Ini disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan, Subsektor Perkhidmatan Kerajaan, Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit serta Subsektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman.

Sektor Pertanian, Perhutanan

dan Perikanan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus berikutan peningkatan dalam pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Subsektor Ternakan. Subsektor Perhutanan meningkat disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran balak. Sementara itu, peningkatan dalam Subsektor Ternakan adalah disebabkan peningkatan dalam pengeluaran daging kambing, ayam pedaging dan telur.

Walau bagaimanapun, Sektor Industri menurun sebanyak 2.3 peratus. Penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli dan Methanol.

KDNK mengikut pendekatan perbelanjaan mencatatkan peningkatan terutamanya disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan modal sektor swasta yang terus berkembang sebanyak 58.0 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 33.2 peratus pada suku sebelumnya. Manakala, eksport bersih barangan dan perkhidmatan menurun sebanyak 31.0 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Suku Keempat 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE www.dep.gov.bn.

PROPAZ bantu perbaiki taraf hidup

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid
Sumber : Majlis Ugama Islam Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan kesepakatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan berganding bahu untuk turut sama menangani isu kemiskinan yang ditandai melalui inisiatif-inisiatif sama ada menyalurkan bantuan yang berbentuk material untuk sara diri fakir miskin mahupun yang berupa program - program produktif untuk mengupayakan diri asnaf untuk memperkasa keupayaan masyarakat agar dapat berdikari serta menjana kehidupan yang mantap.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat dengan serius mengenai isu kemiskinan tersebut melalui titah-titah baginda, antaranya ialah :

"Semenjak negara mencapai kemerdekaannya, pendapatan per kapita penduduk adalah memberangsangkan. 10 tahun selepas merdeka ia terus meningkat. Ini tidak diragukan lagi, dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Bertolak dari sini, sepatutnya, kadar kemiskinan dengan sendirinya adalah menurun. Maka berdasarkan ini, apakah tidak terlintas diingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat wawasan ialah untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar?"

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-4 Majlis Mesyuarat Negara pada 26 Safar 1429H / 4 Mac 2008M).

Program - Program Bantuan Pengupayaan Diri

Selaras dengan hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahukan rakyat negara ini mempunyai kehidupan yang seimbang dan berkualiti sejajar dengan Wawasan Negara 2035, maka melalui kutipan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau tanaman yang diusahakan oleh peserta PROPAZ.

zakat harta diagihkan kepada asnaf yang berhak menerimanya dengan pentadbiran yang efisien sebagai teras pertumbuhan ekonomi yang seimbang pada membangun sebuah masyarakat dan negara yang kukuh dan stabil.

Salah satu usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh MUIB khususnya dalam menangani golongan fakir miskin ialah mereka bentuk pelbagai program untuk meningkatkan keupayaan fakir miskin tersebut supaya status kehidupan mereka dari segi ekonomi ke tahap yang lebih baik. Bahkan untuk mencapai matlamat mengeluarkan mereka daripada golongan kefakiran dan kemiskinan.

Sejajar dengan misi MUIB untuk melaksanakan program-program bantuan yang berbentuk latihan dan kemahiran secara profesional bertujuan untuk mengupayakan asnaf fakir miskin, di samping menyelaras pelaksanaan ke arah peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Ke arah itu, antara inisiatif yang dilaksanakan ialah mengadakan bantuan-bantuan produktif sebagai metode membantu mengupayakan diri asnaf fakir dan miskin dan

mendorong mereka untuk berdikari dan berusaha. Bantuan-bantuan seumpama ini berupa pelaburan jangka masa panjang bagi setiap peserta yang dikenali sebagai Program Latihan, Kemahiran dan Bimbingan.

Pada tahun 2007, satu program pengupayaan telah diperkenalkan yang digelar sebagai Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dilaksanakan dengan peruntukan daripada Kumpulan Wang Zakat, MUIB. Program ini berorientasikan kepada pemerolehan ilmu kemahiran melalui latihan - latihan dan bimbingan khusus kepada asnaf fakir miskin

untuk memperbaiki taraf hidup kepada yang lebih baik dan cerah tanpa bergantung kepada mana-mana bantuan. Ia dirancang bersesuaian dengan objektif MUIB untuk mengubah minda peserta ke arah meningkatkan taraf hidup yang lebih baik dan cerah pada melahirkan belia-belia yang berkemahiran teknikal dan vokasional serta pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Ia dikendalikan oleh satu badan pelaksana yang ditubuhkan pada 17 Oktober 2007 yang berperanan sebagai urus setia yang bertanggung-jawab untuk menyelaras dan mereka bentuk

program-program pengupayaan, merancang dan mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan PROPAZ dengan menyasarkan penerima agihan zakat yang berdaftar di MUIB; tanggungan penerima agihan, sama ada isteri atau anak-anak penerima untuk mengikuti program-program PROPAZ. Peserta-peserta yang mengikuti program-program PROPAZ akan diberikan elaun di mana jumlahnya adalah ditetapkan mengikut jenis program yang diikuti.

Peruntukan

Bagi program-program yang sedang berjalan bagi tahun 2018 - 2019 ialah :

- Program PROPAZ - PPB : BND137,496
- Program PROPAZ Az-Zira'ah : BND150,000.

Sementara bagi tahun 2019 - 2021 pula :
- Program PROPAZ - Perantis : BND149,960.

Program - Program PROPAZ

1. PROPAZ - PPB

PROPAZ - PPB merupakan program khas yang pertama dengan menjadikan Pusat Pembangunan Belia (PPB) sebagai penyedia perkhidmatan berdasarkan beberapa faktor yang bersesuaian termasuklah penyediaan infrastruktur yang lengkap. Format program adalah berorientasikan pemerolehan ilmu melalui latihan-latihan praktikal dan industri dan bertujuan untuk melahirkan belia asnaf zakat yang berkemahiran teknikal dan vokasional.

Para peserta akan menjalani latihan selama sembilan bulan, iaitu enam bulan mengikuti latihan kemahiran di PPB peringkat Persijilan City & Guilds dan latihan penempatan kerja di sektor swasta selama tiga bulan.

Pada tahun 2018, PROPAZ - PPB mengendalikan 11 pengambilan bagi seramai 252 peserta. Setakat pengambilan ke-10 sahaja, sebanyak 62 peratus kejayaan telah dicapai. Peraturan tersebut merangkumi peserta-peserta telah memperoleh pekerjaan di sektor kerajaan dan sektor swasta antaranya sebagai Kerani, Mekanik, Welder dan Pastry Assistant. Sebahagiannya ada yang menjalankan perniagaan kecil dan sederhana. Manakala peserta dalam pengambilan ke-11, masih lagi menjalani program.

SALAH seorang peserta PROPAZ, Awang Abdul Hafeez bin Awang Mohamad yang terpilih untuk mengikuti latihan kemahiran dan melanjutkan pengajian di Institut Kemahiran Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Malaysia.



Sekolah Sukan rangkul Johan Keseluruhan



PEMANGKU Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohamed Jais bin Haji Abd. Rahman (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Pemangku Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum menyampaikan piala kepada johan keseluruhan, iaitu Sekolah Sukan bagi Pertandingan Pencak Silat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2019.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Sekolah Sukan muncul johan keseluruhan Kejohanan Pencak Silat Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2019, berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sementara itu, Peserta Terbaik Lelaki diberikan kepada Awangku Mohd. Hadi bin Pengiran Abd. Rahman dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait dan Peserta Terbaik Wanita diberikan kepada Dayang Nurizzati Shafiqah binti Md. Suny dari Sekolah Sukan. Wasit atau Juri Terbaik diberikan

kepada Awang Mohd. Harris bin Haji Mohammad. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Pemangku Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohamed Jais bin Haji Abd. Rahman. Kejohanan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani dan Unit Perkembangan dan Latihan

Sukan (UPLS) dengan kerjasama Persekutuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam (PERSIB). Sebanyak 12 buah sekolah menyertai kejohanan, dibahagikan kepada dua acara, iaitu Acara Seni Bela Diri dan Acara Tanding. Tujuan kejohanan diadakan adalah bagi persiapan memilih pesilat berpotensi yang akan mewakili kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam, selain menanamkan semangat kesukanan, persahabatan

dan mengeratkan hubungan silaturahim di antara pesilat-pesilat daripada Sekolah-sekolah Menengah / Maktab-maktab / Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara. Ia juga mampu memberi pendedahan kepada pesilat-pesilat muda kepada suasana persaingan yang sihat dan cergas, di samping mengekalkan dan menyemai budaya warisan seni Pencak Silat dalam kalangan pelajar.

PROPAZ bantu perbaiki taraf hidup

Dari muka 22

2. PROPAZ-Perantis

Program PROPAZ-Perantis mula diperkenalkan pada tahun 2012. Merupakan salah satu cabang utama PROPAZ untuk membantu golongan fakir dan miskin yang membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka dengan mendapatkan latihan dan kemahiran melalui pelbagai bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran. Program yang bertempoh selama dua tahun ini mendedahkan dan membimbing para peserta tentang asas bekerja, kefahaman berhubung budaya dan etika kerja melalui latihan kemahiran dan penempatan-penempatan kerja mereka.

Objektif

- Memberikan latihan kemahiran *tailor-made* atau tugas yang sebenarnya (*job description*) menurut keperluan majikan.
 - Meningkatkan penglibatan golongan asnaf fakir miskin dalam aktiviti ekonomi bagi mengurangkan pengangguran.
 - Memberikan penempatan *on job training* bagi pelbagai jenis pekerjaan.
 - Meningkatkan peranan sektor swasta (rakan strategik) sebagai penyumbang utama kepada mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf zakat.
 - Mengalakkan peralihan set minda kepada positif untuk berusaha tanpa mengharapkan bantuan dari mana-mana pihak serta cenderung memilih sektor swasta sebagai majikan.
 - Memberikan pengalaman secara *hands on* kepada peserta skim di dalam dunia pekerjaan.
- Sehingga tahun tahun 2018, menerusi tiga pengambilan, seramai 105 orang telah ditawarkan bagi mengikuti program PROPAZ-Perantis. Lima orang daripadanya masih menjalani program dan pencapaian peserta yang telah mempunyai sumber pekerjaan adalah sebanyak 51 peratus antaranya sebagai Kitchen Helper, Penghantar Saman dan Pemandu Kenderaan Hotel.

3. PROPAZ-Keusahawanan

Program ini melatih dan memberikan peluang kepada lepasan-lepasan program PROPAZ yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk menjalankan perniagaan kecil dan sederhana. Pemantapan program keusahawanan melalui beberapa idea atau konsep jenis-jenis perniagaan yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan semasa yang mampu diusahakan secara kecil-kecilan oleh lepasan program-program PROPAZ atau asnaf yang baru memasuki program. Usahawan PROPAZ antaranya berkecimpung dalam perniagaan kuih-muih, salon dan pembinaan bangunan.

4. PROPAZ Az-Zira'ah

PROPAZ Az-Zira'ah berkonsepkan jurusan latihan kemahiran meliputi bidang agrikultur urban dan konvensional yang berkonsepkan agribisnis dengan hala tuju kepada memperniagakan hasil tani secara komersial melalui latihan yang profesional, komprehensif, teratur, terurus, terkawal dan dipantau secara berterusan sepenuh masa dan berdaya tahan dengan objektif untuk mendidik minda asnaf bahawa berusaha melalui bidang pertanian boleh mendatangkan hasil lumayan; membuka ruang kepada asnaf yang berminat kepada pertanian; memberi latihan kepada asnaf untuk mahir dalam bidang pertanian yang sistematik dengan bimbingan pemudah cara dan membuka ruang keusahawanan pada tahap kehendak pasaran yang tinggi.

Peserta bagi program pertanian ini terdiri daripada penerima agihan zakat sama ada penerima sendiri atau tanggungannya; peserta-peserta lepasan program-program PROPAZ yang belum bekerja dan belum mempunyai sumber pendapatan dan berminat dalam bidang pertanian dan berkesungguhan untuk mengubah kehidupan.

Format latihan adalah bimbingan sepenuh masa melalui mentor dengan sokongan kewangan melalui agihan Kumpulan Wang Zakat atas pertanian

beberapa jenis tanaman yang boleh dikembangkan oleh peserta. Mentor juga dijadikan sebagai satu platform untuk mengarah peserta menuju keusahawanan tani (*agriprenuer*).

Para peserta akan menjalani latihan bertempat di Kawasan Tapak Pertanian K3, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (Brunei Agriculture Research Centre - BARC), Kilanas dengan keluasan 1.1 hektar persegi. Program ini terbahagi kepada empat fasa dan pra latihan iaitu :

- Pra Latihan (lima hari) : Kursus pengenalan pertanian dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
- Fasa 1 (tiga bulan) : Latihan kemahiran asas dan mengenali konsep pertanian bersama mentor.
- Fasa 2 (tiga bulan) : Berdikari sebagai peladang di bawah bimbingan dan penyeliaan mentor.
- Fasa 3 (enam bulan) : Sebagai Peladang Terlatih dan Pengusaha Tani Amatir dengan aktiviti bertani secara berdikari dan mampu mewujudkan rangkaian hubungan perniagaan dengan agensi kerajaan dan swasta.
- Fasa 4 (tiga bulan) : Sebagai Pengusaha tani yang mahir dalam mengendalikan permasalahan ladang dan perniagaan dan berpotensi menjadi *role model* PROPAZ.

Pemilihan tiga orang mentor yang bertanggungjawab untuk membimbing, mengawal dan memantau peserta menepati ciri khusus program pengupayaan ini dibentuk. Mentor-mentor ini merupakan pakar dan usahawan dalam bidang tersebut dan dilantik untuk tempoh kontrak 15 bulan bagi satu sesi pengambilan peserta. Para peserta didedahkan dengan kaedah penanaman urban (hidroponik) dan konvensional dengan penanaman hidroponik sayur-sayuran hijau; penanaman jagung dan penanaman cili.

Kecemerlangan

Beberapa pencapaian daripada program-program PROPAZ, antaranya

ialah penghantaran dua orang asnaf zakat untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kuala Lumpur, Malaysia. Mereka ialah Awang Abdul Hafeez bin Awang Mohamad dan Awang Muhammad Shah Bidin bin Jumat. Ia adalah kali kedua diadakan di mana terdahulu pada tahun 2018 dalam bidang Kursus Teknologi Binaan Bangunan dan Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan.

Salah seorang ikon PROPAZ iaitu Dayang Salmiah binti Haji Tarang merupakan penerima Anugerah Cemerlang PROPAZ tahun 2016 telah terpilih mewakili Negara Brunei Darussalam sebagai tokoh asnaf dalam forum Seminar Pembangunan Asnaf Serantau tahun 2017 di Kuala Lumpur.

Penutup

Agenda pembangunan sosioekonomi bagi golongan tidak berkemampuan merupakan salah satu usaha berterusan yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Keterlibatan rakan-rakan strategik melalui jalinan kerjasama yang diadakan adalah antara langkah dalam menani hasrat kerajaan untuk mencapai kehidupan rakyat yang sejahtera dan harmoni. Menerusi usaha padu dan kerjasama dari mana-mana pihak untuk menjadikan para asnaf fakir miskin boleh berdikari tanpa bergantung kepada bantuan akan dapat dicapai.

Dalam hal ini, Jabatan MUIB sentiasa bekerjasama erat dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan, pihak swasta dan NGO dalam sama-sama memastikan program yang dirancang berjaya dilaksanakan. Melalui pengagihan zakat, Jabatan MUIB menerusi Urusetia PROPAZ akan mencorak program-program yang berdaya tahan dan mempunyai impak tinggi sebagai mempelbagaikan landskap jaringan keselamatan sosial masyarakat amnya dan asnaf zakat khasnya.

Sukan

INFO SUKAN

LIMA pemain skuasy dari Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Manila, Filipina, untuk bertanding dalam Kejohanan Piala Skuasy SEA Ke-5 2019. Pertandingan itu diadakan di Kerry Sports, ShangriLa The Fort bermula pada 9 hingga 13 April 2019.



ePaper Pelita Brunei

Kasuka FC menang besar



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 April. - Pasukan Kasuka FC menang besar apabila berjaya menewaskan pasukan Najip FC dengan jaringan 8 - 1 pada Perlawanan Liga Super Brunei DST, berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pasukan Kasuka FC berjaya mendahului pasukan Najip FC pada minit ke-8 melalui jaringan pemain jersi 10, Mohd. Nazri Haji Hassan.

Selang lima minit kemudian, pasukan Kasuka FC menjaringkan gol kedua melalui sepakan pemain jersi 9, Mohd. Hanif Aiman Haji Adanan, diikuti dengan gol ketiga pada minit ke-23, hasil tendangan pemain jersi 2, Md. Mardi Mirza Abdullah Bujang untuk mendahului dengan jaringan 3 - 0.

Pasukan Najip FC cuba bangkit menerusi sepakan pemain jersi 17, Syazwan Haji Hassan yang menewaskan penjaga gawang pasukan Kasuka FC pada minit ke-26.

Keceriaan pasukan Najip FC tidak bertahan lama apabila pasukan Kasuka FC terus mendahului mereka pada minit ke-44 melalui pemain jersi 21, Pengiran Sallehudin Pengiran Haji Damit dan menjadikan kedudukan 4 - 1 kekal hingga perlawanan separuh masa pertama berakhir.

Dua minit selepas perlawanan separuh masa kedua dimulakan, pasukan Kasuka FC menambah dua pasukan Najip FC apabila tendangan pemain jersi 9, Mohd. Hanif Aiman Haji Adanan menggegarkan gawang pasukan lawan buat kali kedua pada perlawanan itu untuk meletakkan pasukannya selesa mendahului 5 - 1.

Pasukan Najip FC bagaikan putus harapan, namun terus bertahan, akan tetapi kegigihan para pemain pasukan Kasuka FC untuk menambah gol membuahkan hasil apabila Mohd. Hanif Aiman menjaringkan gol *hat-trick* beliau pada perlawanan tersebut melalui sepakan penalti pada minit ke-68.

Mohd. Hanif Aiman terus beraksi cemerlang buat pasukan Kasuka FC apabila beliau berjaya menambah dua lagi gol, masing-masing pada minit ke-75 dan minit ke-88 untuk memastikan kemenangan 8 - 1 menjadi milik pasukannya hingga wisel penamat perlawanan ditupkan.

ANTARA aksi pada Perlawanan Liga Super Brunei DST di antara pemain Kasuka FC (jersi merah jambu) dan pemain pasukan Najip FC (jersi biru).

Tahukah Awda

YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan Mesyuarat Penyelaras bagi Pembahagian Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Bangunan YSHHB pada 21 Mac 2019.

Pada tahun ini, sejumlah 126 tan metrik buah kurma jenis Safawy yang dibekalkan oleh Al Madinah Dates Company, Arab Saudi bakal dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam dengan tidak mengindahkan umur dan taraf kerakyatan, iaitu setiap orang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram.

SUMBER : Pelita Brunei, edisi Sabtu, 23 Mac 2019.



SEKOLAH
Sukan rangkul
Johan
Keseluruhan
MUKA 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MELAYU ISLAM BERAJA TUNJANG KEKUATAN NEGARA

دتریبیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam